JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلىَ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua buku "300 SOAL JAWAB MUDAH" ini berjaya diterbitkan dengan jayanya. Adalah diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umat Islam kerana buku ini telah direncana dengan uslub soal jawab bagi memudahkan pemahaman umat Islam terhadap ajaran Islam. Agama Islam diturunkan untuk memberi kemudahan dan mengelak kesukaran.

Sekalung perhargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada YBhg SF Ust Ahmad Fauwaz Bin Ali@ Fadhil yang sudi menukilkan sebuah tinta yang penuh dengan manfaat ini untuk dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat umum khususnya rakyat Negeri Perak. Buku ini akan menjadi sebuah pembacaan yang baik untuk umat Islam

Buku ini diharapkan dapat dimanfaatkan untuk menyelesaikan permasalahan agama yang sering menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat dan menambah khazanah pengetahuan agama Islam di dalam negeri dan negara ini. Semoga usaha ini diberkati Allah S.W.T

Jabatan Mufti Negeri Perak

Muqaddimah

Segala puji bagi Allah Taala Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Baginda, ahli keluarga dan para sahabat.

Secara yang dimaklumi bahawa ilmu fiqh adalah ilmu yang berkhidmat kepada masyarakat dan ilmu yang terawal yang wajib dipelajar oleh seorang muslim. Dengan rasa tanggungjawab untuk menyebarkan ilmu fiqh kepada masyarakat dengan bahasa yang mudah dalam bentuk soal jawab dan ingin melihat masyarakat menjadi celik fiqh saya mengumpulkan soalan-soalan yang ada dimulut masyarakat dan amalan kehidupan mereka walaupun saya bukanlah ahli fiqh atau ahli ilmu.

Manhaj yang saya guna adalah menjawab persoalan-persoalan di atas mazhab Syafie kerana ia merupakan mazhab rasmi rakyat Malaysia. Sekiranya terdapat keperluan atau hajah di dalam beberapa isu saya akan tunjukkan kepada masyarakat kepada mazhab-mazhab muktabar yang lain supaya terdapat keringan dan keluasan kepada mereka untuk memudahkan kehidupan mereka dalam masa yang sama mereka tidak terkeluar daripada Syariah Islam.

Ingin saya ingatkan bahawa qaedah penting apabila kita berinteraksi dengan khilaf fiqh dan khilaf mazhab di mana ulama SYafie memberikan tiga qaedah penting kepada kita:

1: الخروج من الخلاف مستحب

[Keluar daripada khilaf ulama adalah digalakan]

2: لا إنكار في المسائل الاجتهادية

[Tidak boleh mengingkari (mengkafirkan, membidaahkan dan menfasiqkan) di dalam isu isu ijtihad]

3: من ابتلي بشيء فليقلد من أجاز

[Sesiapa yang diuji dengan sesuatu (di dalam mazhab Syafie sukar diamalkan) maka ikutlah mazhab (muktabar) yang mengharuskan]

Dengan tiga qaedah saya belayar di dalam menerangkan ilmu kepada masyarakat untuk memastikan jawapan yang diberikan itu tidak terkeluar daripada displin ilmu dan manhaj.

Terima kasih saya ucapkan kepada pihak Jabatan Mufti Negeri Perak kerana sudi untuk mencetak buku yang kecil supaya menjadi bahan bacaan dan rujukan orang awam. Mudah-mudahan Allah Taala menerima amalan kecil ini.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Fauwaz Fadzil Noor
fa_mannah@yahoo.com

BAHAGIAN SATU

SOALAN 1

Benarkah disunatkan melewatkan solat fardu Isyak ke tengah malam?

Jawapan

Mengikut Mazhab Syafie tetap disunatkan menunaikan solat pada awal waktu walaupun terdapat khilaf dalam isu ini. Namun begitu, yang dipilih dalam Mazhab Syafie ialah الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا. Mendirikan solat pada awal waktu merangkumi solat Isyak tetap disunatkan pada awal waktu. Tidak dilewatkan. Mungkin kerana takut bimbang tertidur, lalu terus tertinggal solat Isyak dan terpaksa membawa kepada qada. Oleh itu, dirikanlah solat pada awal waktu itu lebih baik.

SOALAN 2

Apakah hukum seorang lelaki berkahwin dengan ibu saudara sepupu. Maknanya, sepupu kepada ibunya. Bolehkah atau tidak boleh?

Jawapan

Boleh kerana ibu saudara sepupu bukan mahramnya. Walaupun peringkatnya ibu saudara tetapi dia sepupu ibu kita. Oleh itu, seseorang itu boleh berkahwin dengan ibu saudara sepupunya. Cuma yang tidak boleh berkahwin dengan ibu saudara kandungnya (adik atau kakak ibunya).

SOALAN 3

Bolehkah seorang lelaki berkahwin dengan bekas adik iparnya atau kakak iparnya setelah kematian isterinya?

Jawapan

Hukumnya, kalau isterinya sudah meninggal dunia dan ada adik ipar atau kakak ipar yang diminati, tidak ada masalah untuk berkahwin kerana telah terputus hubungan dengan perkahwinan. Jadi, tidaklah menggabungkan dua adik-beradik. Oleh itu, boleh berkahwin selepas kematian isteri.

SOALAN 4

Kain saya terkena darah haid dan saya cuci banyak kali tidak hilang warnanya. Adakah sudah bersih?

Jawapan

Sekiranya sudah dicuci berkali-kali sehingga tidak luntur juga, maka ia dimaafkan. Kita boleh mendirikan solat dengan pakaian tersebut kerana telah menjadi satu benda yang sukar. المشقة تجلب التيسير. Benda yang susah akan diberikan kemudahan untuk kita laksanakan dalam hukum-hakam. Oleh itu, boleh mendirikan solat dengan kain yang ada warna darah yang sudah cuba dibasuh dengan betul tetapi tidak dapat mengeluarkan warnanya.

SOALAN 5

Adakah diwajibkan seseorang yang ingin mengqadakan solat-solat yang ditinggalkannya itu secara tertib? Maknanya, dia kena ikut tertib dan susunannya, iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib, Isyak atau boleh tidak mengikut tertib?"

Jawapan

Disunatkan sahaja melakukan tertib, tetapi tidak diwajibkan. Kalau mahu mulakan yang lewat pun tidak mengapa. Maghrib dahulu pun tidak mengapa. Hendak mulakan Asar dahulu pun tidak mengapa. Yang penting, kita melaksanakan qada dan bayar hutang dengan Tuhan. Tetapi *aula* melaksanakannya secara tertib, itu lebih baik.

SOALAN 6

Bolehkah saya mengetahui berapa rakaat solat sunat duha; paling kurang dan paling banyak?

Jawapan

Solat sunat duha paling kurang kita buat dua rakaat, paling banyak boleh buat sampai 12 rakaat mengikut sebutan dalam kitab Minhaj al-Tolibin. Tetapi yang paling afdal kata ulama as-Syafieyah atau Imam Nawawi ialah lapan rakaat. Itu yang warid daripada sunah. Maknanya, yang paling bagus ialah lapan rakaat tetapi kalau hendak melakukannya sampai 12 rakaat, tidak mengapa. Oleh itu, lakukanlah ibadat sekadar yang termampu.

SOALAN 7

Adakah kita boleh menunaikan solat sunat pada hari Jumaat semasa waktu yang terlarang; waktu tengah hari atau waktu matahari berada di kemuncaknya (yang dikatakan sebagai waktu larangan solat)?

Jawapan

Ulama menyatakan pada hari Jumaat dibolehkan menunaikan solat sunat pada waktu tengah hari walaupun hari-hari yang lain kita tidak boleh menunaikan solat pada waktu tersebut kerana dilarang oleh syariat atau disebutkan sebagai waktu-waktu yang dimakruhkan. Namun begitu, hari tersebut warid dalam hadis atau athar yang menunjukkan pengharusan menunaikan solat sunat pada hari Jumaat.

SOALAN 8

Bolehkah apabila seseorang suami ingin merancang atau membuat perancangan keluarga (family planning) dengan isterinya, dia memakai kondom ketika berhubungan dengan isterinya?

Jawapan

Hukumnya adalah harus sekiranya dia telah mendapat persetujuan isterinya. Maknanya, isterinya merelakan dia memakai kondom kerana itu ialah hak isterinya. Oleh itu, kalau ada persetujuan merancang keluarga, maka itu diharuskan.

SOALAN 9

Saya memakai pewangi (perfume) yang ada alkohol. Bolehkah saya menggunakannya dalam solat? Adakah membatalkan solat?

Jawapan

Tidak membatalkan solat kerana ulama moden telah memfatwakan pewangi yang mempunyai alkohol, hukumnya dimaafkan atau bersih kerana telah berlaku istihalah atau proses pertukaran daripada sifat kepada sifat. Insya-Allah, tiada was-was, tiada masalah untuk menunaikan solat dengan memakai pewangi.

SOALAN 10

Bolehkah seseorang itu bernikah mut'ah?

Jawapan

Haram. Nikah mut'ah telah diharamkan berdasarkan nas sunah hadis daripada Rasulullah SAW. Pernikahan mut'ah ini ialah pernikahan kontrak yang menghina seorang wanita kerana tiada lafaz perceraian tetapi setelah tamat tempohnya, berlakulah perceraian. Nikah mut'ah bercanggah dengan maqasid Islam kerana bersifat sementara. Oleh itu, seseorang itu tidak boleh melaksanakan nikah mut'ah. Walaupun dikatakan berminat dengan syiah, tetap tidak boleh.

SOALAN 11

Saya mendapat anak lelaki tetapi saya tidak mampu membuat sembelihan dua ekor kambing. Bolehkah saya menyembelih seekor kambing sahaja?"

Jawapan

Boleh dan sudah mendapat pahala sunah walaupun seekor. Cuma sunah yang sebaik-baiknya ialah dua ekor untuk bayi lelaki tetapi apabila menyembelih seekor kambing, telah mencapai minimum sunah. Kalau berkemampuan, boleh tambah seekor lagi. Namun begitu, seekor kambing telah menunaikan hak akikah kanak-kanak lelaki tersebut.

SOALAN 12

Seseorang bukan Islam mahu menyewa rumah. Dia memberitahu mahu membuat tempat maksiat seperti kelab malam. Adakah sebagai seorang Islam, saya boleh menyewakan rumah itu kepadanya?

Jawapan

Tidak boleh. Apabila disebut sebagai satu asas kontrak sewaan, maka tidak sah dan haram kerana termasuk dalam kontrak yang begitu penting. Maka, sewaan tidak diharuskan.

SOALAN 13

Apakah yang dikatakan marah yang berdosa?

Jawapan

Marah yang membawa kepada dosa adalah marah yang mengeluarkan cacian dan makian. Apabila marah, kita mencaci dan memaki. Itu yang berdosa tetapi jika sekadar marah dan tidak menyebut perkataan-perkataan cacian dan makian, marah dalam

hati, tidak menyebut apa-apa perkataan, itu dimaafkan dan tidak berdosa.

SOALAN 14
Bolehkah saya menjual darah saya kepada seseorang tanpa menderma?

Jawapan
Hukumnya tidak boleh. Darah atau tubuh badan manusia bukanlah barangan yang boleh diniagakan. Kalau mahu memberikan darah kepada orang, kita perlu menderma ke pusat-pusat pendermaan darah. Kita tidak boleh membuat syarat penjualan, menerima pembayaran dan seumpamanya. Hal ini bercanggah dengan konsep tabiat badan manusia yang tidak boleh diniagakan.

SOALAN 15
Saya musykil. Ada orang kata terdapat perbezaan antara tawakkul dengan tawaakul. Adakah maknanya macam tawakal juga?

Jawapan
Terdapat perbezaan. Tawakkul dalam bahasa Arab bermaksud bertawakal, iaitu kita bekerja dan selepas berusaha, kita serahkan kepada Allah SWT. Tawaakul pula berpura-pura bertawakal. Tidak berusaha, tidak bekerja, kemudian kita berserah kepada Allah SWT. Itu yang terlarang dan tidak boleh dilakukan. Kita mesti berusaha dan menyerahkannya kepada Allah SWT. Itu tawakal yang sahih. Adapun kalau kita bertawakal tanpa berusaha, namanya tawaakul.

SOALAN 16

Apakah itu rukun qauli?

Jawapan

Rukun qauli ialah kewajipan dalam solat berbentuk lafaz yang tidak boleh ditinggalkan. Terdapat tiga rukun. Rukun qauli, rukun fi‘li dan rukun qalbi. Qalbi ini niat. Kemudian, perbuatan (fi‘li) seperti rukuk, sujud dan yang terakhir ialah rukun qauli, rukun yang tidak boleh ditinggalkan. Kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan dalam bentuk lafaz seperti takbiratulihram (Allahuakbar), Surah al-Fatihah, tasyahud akhir dan juga memberi salam (assalamualaikum warahmatullah). Oleh itu, ini yang dinamakan sebagai rukun qauli, kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan dalam bentuk percakapan.

SOALAN 17

Bilakah jari telunjuk kita ini diangkat ketika membaca tasyahud?

Jawapan

Ketika menyebut "إلاَّ اللهُ" dalam أشهدُ أنْ لا إلهَ إلاَّ اللهُ وأشهدُ أنَّ محمّداً رسولُ الله. Ketika itu, jari telunjuk kita diangkat sampailah kita memberi salam. Jangan kita turunkan pula selepas kita menyebut " لا إلهَ إلاَّ اللهُ" tersebut. أشهدُ أنْ لا إلهَ إلاَّ اللهُ, teruskan sampai memberi salam.

SOALAN 18

Adakah rambut seorang lelaki yang terkena sejadah itu membatalkan solatnya?

Jawapan

Melihat kepada keadaan. Sekiranya rambutnya yang panjang itu mengena atau terkena sejadah tanpa menutupi dahinya, maka

solatnya sahih. Tetapi sekiranya rambut yang panjang itu menutupi dahi dan tidak terbuka dahinya ketika sujud, hukumnya solat tidak sah.

SOALAN 19

Bolehkah seseorang itu belajar al-Quran tanpa guru?

Jawapan

Sudah tentu tidak boleh. Dia perlu belajar dengan guru. Namun begitu, kalau dia hendak membaca untuk latihan, untuk mendapatkan pahala walaupun tersalah sambil belajar bersendirian sementara menunggu gurunya, itu tidak mengapa. Jangan mempelajari al-Quran daripada kaset, cd, fb, youtube atau seumpamanya tetapi pelajarilah al-Quran daripada guru yang mahir.

SOALAN 20

Apakah hukum seseorang yang berpuasa sunat ingin membuka puasa sunatnya?

Jawapan

Dalam mazhab Syafiee, tidak mengapa dan tidak salah. Hukumnya hanyalah khilaful aula atau hampir kepada makruh kerana Nabi Muhammad SAW bersabda,

الصائم المتطوع أمير نفسه."

Orang yang berpuasa sunat, dia yang mengawal dirinya. Kalau hendak berbuka, berbuka, tidak mahu berbuka pun tidak mengapa. Walaupun begitu, yang lebih baik ialah dia menyempurnakan puasanya.

SOALAN 21

Apakah hukum seseorang tidak membaca doa selepas azan selesai?

Jawapan

Hukumnya adalah makruh dan khilaful aula kerana kita disunatkan membaca doa untuk menyahut seruan azan dan kemudian, kita membaca doa-doa mengikut sunah yang telah diberikan.

SOALAN 22

Apakah hukum seorang lelaki menunaikan solat dalam keadaan memakai baju yang dilukis atau mempunyai corak?

Jawapan

Hukumnya, solatnya sah tetapi hukumnya makruh kerana dikhuatiri mengganggu dia daripada khusyuk dalam solat. Oleh itu, solatnya sahih cuma makruh.

SOALAN 23

Apakah hukum seseorang meniru dalam peperiksaan?

Jawapan

Hukumnya adalah berdosa. Kerana apa? Dia telah menipu.

من غشنا فليس منا

Dalam hadis menyebutkan, "sesiapa yang menipu, bukan daripada golongan yang mengikut jalan hidup kami." Oleh itu, kita tidak boleh menipu kerana akan memberikan kemudaratan kepada orang yang tidak meniru. Maka, hukumnya adalah terlarang.

SOALAN 24

Apabila seorang wanita yang melahirkan anak tidak sempat mengqadakan puasanya pada tahun itu, adakah dia perlu membayar fidyah?

Jawapan

Sebelum membayar fidyah, dia wajib mengqada dahulu puasanya. Apabila dia selesai mengqada puasanya, barulah membayar fidyah. Maknanya, qada dahulu, kemudian bayar fidyah bagi mereka yang terlepas Ramadan yang pertama dan masuk Ramadan yang kedua. Pastikan qada, kemudian bayar fidyah pada tahun yang seterusnya.

SOALAN 25

Adakah wanita boleh mencorakkan tangannya dengan inai atau mencorakkan inai di atas tangannya?

Jawapan

Hukumnya boleh selagi bersifat sederhana dan tidak ada niat untuk meniru gaya-gaya orang yang fasik atau gaya-gaya orang kuffar. Maka, diharuskan dengan kadar yang sederhana.

SOALAN 26

Adakah seseorang itu boleh menasihati seseorang yang lain, saudara atau kawannya dengan bahasa yang kesat?"

Jawapan

Hukumnya adalah haram. Nasihat itu wajib tetapi memaki dan menggunakan perkataan yang kasar adalah terlarang kerana boleh menjatuhkan maruah orang tersebut. Oleh itu, nasihatlah dengan hikmah, kelembutan dan kasih sayang. وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا. Bercakaplah dengan manusia menggunakan bahasa yang baik.

SOALAN 27

Apakah hukum seorang Muslim menyanyi lagu Merry Christmas?

Jawapan

Haram dan terlarang kerana lagu itu merupakan khas untuk mereka, upacara bagi menyambut hari kebesaran mereka. Cukuplah kita mengucapkan Selamat Tahun Baru atau Merry Christmas tanpa kita menyanyikan lagu tersebut.

SOALAN 28

Adakah seseorang itu berdosa jika gagal menunaikan nazar?

Jawapan

Ya, hukumnya adalah berdosa. Dia diwajibkan menunaikan nazarnya yang masyruk atau sah. Sekiranya dia tidak mahu juga melakukannya, maka dia boleh bertaklik kepada sebahagian ulama hadis yang boleh menggantikan nazarnya dengan kafarah sumpah dibayar makanan yang dimakannya kepada 10 orang miskin. Mungkin dalam kadar RM10 atau RM15 kepada setiap orang. Jadi, dalam kitaran RM100 hingga RM150 kalau dia memang tidak mampu melaksanakannya. Tetapi kita menasihatkan supaya dia menunaikan nazarnya.

SOALAN 29

Benarkah pokok atau dahan yang ditanam di atas kubur itu akan mendoakan si mayat?

Jawapan

Ya, sebahagian ulama berpendapat sedemikian berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang memacak dahan di atas dua kubur Muslim yang diseksa. Mudah-mudahan diringankan segala ujian

di dalam kubur itu dengan doa daripada dahan tersebut. Tetapi adakah kita sebagai umat Islam boleh melakukan sedemikian? Sebahagian ulama mengharuskan, sebahagian ulama mengatakan tidak perlu, tidak mengharuskan kerana itu ialah khususiyat atau benda yang dikhususkan kepada Rasulullah SAW. 'Ala kulli hal, boleh diletakkan sedemikian rupa kerana perkara ini bukan perkara fiqhi, iaitu sama ada mendoakan atau tidak mendoakan, kita serahkan kepada Allah SWT. Cuma kita meletakkan dengan mengharapkan perkara yang berlaku kepada Rasulullah SAW, iaitu dengan harapannya dahan itu berdoa. Oleh itu, tidak salah meletakkan dahan yang kita mengharapkan kebaikan kepada si mayat.

SOALAN 30

Apakah hukum wanita Muslimah membuka aurat seperti rambutnya di hadapan wanita bukan Islam?

Jawapan

Saya jawab dahulu secara ringkas. Dalam Mazhab Syafi'ie, hukum mendedahkan rambut atau aurat yang kecil atau yang bersifat kebiasaan seperti lengan adalah haram dan tidak boleh dibuka di hadapan mereka kerana mengambil hukum seperti lelaki ajnabi. Namun begitu, disebabkan faktor orang Malaysia ini bercampur gaul, masyarakat majmuk, terdapat pandangan seperti Mazhab Abu Hanifah yang agak ringan dan memudahkan urusan wanita Muslimah. Maka, mereka boleh bertaklid kepada Mazhab Abu Hanifah kerana berlakunya umumul balwa dan kita katakan masyaqah sekadar memperlihatkan rambut atau lengan. Insya-Allah, diharuskan bertaklid kepada Mazhab Abu Hanifah. Apabila seseorang bermazhab Syafie mempunyai masalah dalam mazhabnya, maka ikutlah mazhab lain yang boleh meloloskan mereka daripada dosa.

SOALAN 31

Bolehkah seorang ibu atau bapa membongkar peralatan-peralatan atau benda yang berkaitan dengan rahsia anak?

Jawapan

Pada hukum asalnya tidak boleh kerana anak termasuk dalam golongan orang Islam melainkan sekiranya terdapat kecurigaan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada agamanya dan nama baik keluarganya. Ketika itu, ibu bapa boleh membongkar apa-apa yang terdapat di dalam beg atau di dalam bilik anaknya.

SOALAN 32

Zaman sekarang ini banyak masjid atau surau ditutup yang menyebabkan sukar untuk menunaikan solat. Bolehkah saya menangguhkan solat sehingga saya qada di rumah?

Jawapan

Tidak boleh. Dia perlu mencari tempat-tempat yang bersih dengan meletakkan sejadah atau apa-apa benda yang boleh berlapik seperti surat khabar atau kain yang bersih untuk dia menunaikan solat di tepi jalan, di tempat-tempat yang selamat, di pejabat atau di kawasan stesen minyak. Tengok arah kiblat, kita boleh menunaikan solat di situ dengan lapisan. Maka, tidak boleh dibiarkan solat berlalu kerana alasan tiada tempat. Tetapi sekiranya tertinggal juga dalam keadaan dia tetap berdosa, wajib dia mengqadanya sekiranya waktu sudah habis.

SOALAN 33

Adakah dibolehkan seseorang itu bersumpah untuk meyakinkan orang lain?

Jawapan

Hukum bersumpah untuk meyakinkan orang lain adalah makruh. Imam Syafie berkata, “saya tidak suka bersumpah walaupun saya betul.” Oleh itu, elakkan daripada bersumpah kerana sumpah ini selalunya digunakan di mahkamah. Tetapi kalau bersumpah juga, hukum sumpah itu adalah sah, tidak ada dosa melainkan sumpah yang disebut sebagai yamin al-ghamus, yang dia bersumpah untuk menipu. Itu dikenakan kaffarah kalau dia menipu.

SOALAN 34

Sekiranya seorang isteri terlepas puasa Ramadan dan perlu menggantikannya pada tahun yang akan datang, siapa yang menanggung fidyahnya?

Jawapan

Dia sendiri yang menanggungnya. Masing-masing mempunyai tanggungan dalam ibadah. Maka, dia sendiri yang membayar fidyah tersebut. Tetapi kalau suaminya hendak memberi duit untuk dia membayarnya, tidak ada masalah. Suami memberikan duit kepadanya, maka dia membayar kepada orang miskin, pun tidak ada masalah kerana diberikan pemilikan wang suami kepadanya.

SOALAN 35

Dia berniat untuk menolong seseorang tetapi dia tidak melakukan. Adakah dia wajib menunaikan niat tersebut?

Jawapan

Selagi dia tidak melafazkan niat nazar, hanya dalam hati semata-mata, tidak wajib, hanya disunatkan sahaja. Maka, tidak ada apa-apa tanggungan yang dikenakan kepadanya kerana dia hanya niat dalam hatinya, tidak melafazkan bentuk ucapan yang bersifat nazar, tidak wajib ditunaikan.

SOALAN 36

Bolehkah seseorang itu berpuasa sunat hari Jumaat?

Jawapan

Diharuskan atau dibolehkan menunaikan puasa sunat hari Jumaat dengan syarat disertai puasa hari Sabtu atau hari Khamis. Perlu digabungkan dua hari sama ada disertakan hari Khamis dan Jumaat atau Jumaat berserta Sabtu. Sekiranya dia hanya melakukan puasa sunat sahaja pada hari Jumaat, maka hukumnya makruh. Walaupun pahala-pahalanya dikira oleh Allah SWT, tetapi tidak digalakkan melakukan ibadah puasa sunat pada hari Jumaat.

SOALAN 37

Adakah boleh mengqadakan solat, misalnya solat Isyak selepas solat Subuh atau solat Zohor selepas solat Asar?

Jawapan

Boleh. Tidak ada waktu haram bagi mereka yang ingin mengqadakan solat. Yang diharamkan untuk menunaikan solat

ialah solat sunat selepas solat Subuh atau solat Asar. Adapun solat qada, tidak ada waktu haram baginya.

SOALAN 38

Bolehkah seseorang isteri atau suami menceritakan rahsia orang lain kepada isteri atau suaminya dengan niat untuk berkongsi?

Jawapan

Tidak boleh. Adapun rahsia yang mengaibkan seseorang, sahabat, rahsia pesakit atau seumpama dengannya diharamkan daripada diceritakan kepada pasangan masing-masing kerana menjaga aib mereka.

SOALAN 39

Adakah berdosa bagi pasangan yang menayangkan gambar kebahagiaan mereka dalam media sosial?

Jawapan

Mengikut kepada niat mereka. Apakah tujuan mereka? Adakah untuk berkongsi memberi galakan kepada orang lain untuk bahagia atau sekadar menunjuk? Sekiranya untuk menunjuk, sudah tentu jatuh kepada haram kerana tujuannya riyak. Namun begitu, saya nasihatkan supaya tidaklah selalu kita menayangkannya kerana dikhuatiri menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang lain. Kita seorang Islam sentiasa sensitif dengan perasaan orang lain. Sekali-sekala tidak mengapa. Kalau selalu, dikhuatiri mendatangkan perasaan ujub atau riyak.

SOALAN 40

Apakah hukum menyindir seseorang di hadapan orang lain?

Jawapan

Sudah tentu haram kerana merupakan perbuatan yang menyakiti hati orang lain. Seorang Islam tidak menyakiti hati orang lain kerana dia seorang yang mengamankan seseorang daripada kejahatan lidah dan tangannya. الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ. Orang Islam yang sebenarnya, yang mempraktiskan agamanya ialah apabila orang ramai terselamat daripada kejahatan lidah dan tangannya.

SOALAN 41

Pembaziran ialah suatu perkara yang terlarang tetapi bolehkah kita membeli barangan-barangan yang mahal? Barang-barang yang mahal takut terjebak dalam amalan syaitan ini.

Jawapan

Bergantung pada kemampuan. Kalau seseorang itu mempunyai gaji yang besar, barangan mahal itu di bawah kemampuannya dan tidak melibatkan hutang, tidak melibatkan niat yang buruk, menunjuk kepada orang lain, sekadar untuk kecantikan, untuk memuaskan mata dan kualiti barang itu tahan lama, maka tidak mendatangkan haram. Namun begitu, kalau sampai peringkat memudaratkan diri sendiri, berhutang, kemudian niat semata-mata berlumba dengan orang lain, niat untuk menunjuk kepada orang, maka membeli barang mahal adalah haram. Oleh itu, tengok keadaan diri kita.

SOALAN 42
Benarkah penyakit ‘ain itu berlaku?

Jawapan
Ya, penyakit ‘ain itu benar-benar berlaku, diberi ujian kepada sesiapa yang dipilih atau yang ditetapkan ketentuannya oleh Ilahi. Maka untuk mengelakkannya, kalau kita memuji orang, sebutlah, “masya-Allah, orang ini cantik”, “bayi ini comel, masya-Allah.” Jangan kita memuji tanpa menyebut masya-Allah, dikhuatiri terkena pujian yang mengandungi hasad dengki menyebabkan orang itu terkena penyakit ‘ain. Maka, itulah caranya.

SOALAN 43
Apakah hukum seseorang memberitahu doanya kepada orang lain?

Jawapan
Kalau niat hanya semata-mata untuk bertanya adakah doanya itu tepat mengikut syarat, tidak ada niat untuk menunjuk-nunjuk, tidak ada niat untuk menunjukkan dia seorang yang baik, semata-mata untuk menggembirakan orang lain, memasukkan perasaan gembira kepada orang lain antaranya adalah mendoakan kebaikan dan kita menyebutkan doa yang baik untuk mereka, itu tidak mengapa, dengan niat yang baik.

SOALAN 44
Apakah hukum seseorang itu berjaga sepanjang malam?

Jawapan
Hukumnya adalah makruh kerana kita digalakkan tidur awal dan bangun awal. Kalau kita tidak tidur langsung, yang pertama, akan menjejaskan kesihatan dan yang kedua, bercanggah dengan

sunah Rasulullah SAW. Yang terbaik, mengikut sunah, iaitu kita tidur awal dan bangun awal, dapat solat tahajud, berzikir, membaca al-Quran dan berdoa. Itu yang sebaik-baiknya. Kajian menunjukkan betapa bahayanya seseorang yang berjaga sepanjang malam. Adapun mereka yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk berjaga sepanjang malam seperti wali-wali Allah SWT itu merupakan satu kelebihan khusus, bukan dijadikan sebagai satu petunjuk.

SOALAN 45

Bolehkah seseorang itu memanjangkan tasyahud pertama seperti tasyahud akhir?

Jawapan

Makruh. Kita tidak boleh memanjangkannya kerana sunahnya dibaca sampai

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Kemudian, kita bangkit kerana yang panjang itu disimpan untuk tasyahud akhir. Kalau terlajak membacanya, hukumnya juga makruh tetapi tidak membatalkan solat.

SOALAN 46

Bolehkah seseorang itu mengeluh?

Jawapan

Mengeluh ialah perbuatan yang tidak baik, boleh menjadi makruh dan juga boleh menjadi haram sekiranya memberontak atas takdir Allah SWT. Namun begitu, sekiranya kadang-kadang kita terlajak, terlepas, tidak sengaja mengeluh disebabkan tekanan dan sebagainya, kembalilah kepada Allah SWT dengan beristighfar, bermuhasabah dan memohon keampunan daripada Allah SWT

kerana sebagai insan, kadang-kadang kita lemah. Kita boleh mengeluh tetapi jangan kita menjadikannya satu kebiasaan dalam kehidupan.

SOALAN 47

Bolehkah seseorang itu melaksanakan tahajud pada pukul 12 tengah malam?

Jawapan

Mengikut pandangan mazhab Syafie, boleh sekiranya dia tidur dahulu kerana tahajud boleh dilaksanakan selepas solat Isyak atau dinamakan sebagai qiamullail, pada waktu tengah malam tetapi perlulah didahulukan dengan tidur walaupun sedetik, seminit atau seumpamanya. Oleh itu, kalau tidur awal, bangun pukul 12, seseorang itu sudah boleh melaksanakan tahajud dan mendapat pahala yang besar di sisi Allah SWT, insya-Allah.

SOALAN 48

Bolehkah seseorang itu menggunakan horoskop untuk menilik seseorang yang baru dilahirkan?

Jawapan

Kita tidak boleh melakukan sedemikian. Penggunaan bintang dan seumpamanya merupakan satu penilikan benda yang ghaib, yang kita tidak dituntut dan dilarang untuk berbuat demikian kerana ia boleh membawa kepada pemalsuan dan penipuan. Kalau membuat penilikan, kita membuat perancangan masa hadapan mereka berdasarkan kajian dan seumpamanya. Adapun penyelidikan sebegitu dapat membawa kepada penipuan dan pemalsuan kehidupan pada masa akan datang yang menyebabkan kita mungkin kecewa dan seumpamanya.

SOALAN 49
Bagaimanakah seseorang itu dapat meyakini taubatnya diterima?

Jawapan
Apabila dia dapat melihat ketenangan dalam jiwanya, mudah beribadat kepada Allah SWT dan juga mendapat kawan-kawan yang baik. Allah SWT menemukan dia dengan kawan-kawan yang baik, mudah untuk melakukan kebaikan, bergembira ketika melakukan kebaikan dan tidak gembira ketika melakukan kesalahan. Itulah antara alamat atau tanda-tanda seseorang itu diterima taubatnya oleh Allah SWT.

SOALAN 50
Adakah hukum seseorang yang bakhil itu berdosa?

Jawapan
Ya, boleh menjadi dosa sekiranya bakhil itu dalam perkara-perkara yang wajib seperti membayar zakat, menolong orang yang sangat memerlukan pertolongan serta nafkah-nafkah yang wajib diberikan kepada isteri dan anak-anak. Dia kedekut untuk memberikan kewajipan tersebut dari sudut zakat, sedekah yang wajib atau nafkah kepada anak-anak, maka dia terjebak dalam bakhil yang terlarang dan haram.

SOALAN 51
Apakah hukum seseorang itu menayangkan gambar janinnya di dalam perut?"

Jawapan
Hukumnya adalah terlarang kerana menunjukkan benda di dalam badan kita yang bersifat aurat kepada orang lain. Menunjukkan

bahagian aurat apatah lagi aurat dalaman kepada orang lain, itu terlarang walaupun orang yang melihat tidaklah dikatakan semuanya berdosa kerana mereka hanya melihat gambar. Cuma kita yang menayangkan itu seolah-olah menayangkan sebahagian daripada aurat kita. Cukuplah yang melihat itu suami, ibu bapa, saudara mara yang menjadi mahram kepada kita, adik dan kakak. Cukup sekadar itu mereka yang melihatnya. Adapun yang meletakkan dalam Facebook atau Instagram, itu perkara yang terlarang dan kita perlu mengelakkan daripada menunjukkan gambar tersebut. Cukuplah memberitahu dia mengandung dan seumpamanya.

SOALAN 52

Apakah hukum seseorang lelaki menunaikan solat dalam berpakaian ketat tetapi menutup aurat?

Jawapan

Hukumnya adalah sah kerana syarat solat adalah dengan menutup aurat. Adapun ketat atau tidak ketat, tidak dijadikan sebagai syarat, cuma makruh kita menunaikan solat dalam keadaan sedemikian. Ketat mungkin menampakkan bentuk aurat. Namun begitu, jika di hadapan wanita ajnabiah, menunjukkan saiz dan bentuk aurat yang terlarang, maka itu dosa aurat dengan wanita bukan mahram. Adapun solat, sah dan tidak batal.

SOALAN 53

Apakah hukum seseorang itu berdebat untuk mempertahankan prinsipnya?

Jawapan

Tidak ada masalah kalau kita ingin berdebat dengan cara ilmiah, beretika dan berakhlak untuk membuktikan kebenaran terhadap

prinsip kita tanpa mencerca dan memperlekehkan lawan. Tetapi sekiranya membawa kepada cercaan dan memperlekehkan seseorang semata-mata untuk menang mengatasinya, itulah yang terlarang dalam fikah perdebatan.

SOALAN 54

Apakah hukum seseorang itu fanatik terhadap sesuatu perkara?

Jawapan

Hukumnya adalah terlarang. Taasub ini maknanya kita menafikan benda yang lain sehingga berlebih-lebihan dalam mengagungkan sesuatu tanpa melihat kepada kebaikan dan keburukan. Apatah lagi jika kita fanatik terhadap benda-benda yang tidak mendatangkan keuntungan di akhirat. Fanatik ini merupakan taasub yang menghilangkan fikiran kita. Kita bertaklik buta, mengagungkan sesuatu perkara di luar batasan mengatasi etika-etika yang sepatutnya, tidak bersederhana. Oleh itu, hindarilah fanatik kerana membinasakan akal dan tingkah laku kita.

SOALAN 55

Apakah hukum seseorang itu mengugut orang lain?

Jawapan

Hukumnya adalah terlarang kerana dia menakutkan orang lain. Orang Mukmin tidak memberi ketakutan kepada orang lain. الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ. Orang Islam yang sebenarnya ialah yang apabila orang ramai dalam kalangan orang Islam terhindar daripada kejahatan lidah dan tangannya. Maka, mengugut boleh menjadikannya tidak aman. Islam mengajak kepada keamanan,

maka umat Islam juga tidak boleh menafikan atau melakukan perkara yang bercanggah dengan nilai keamanan ini.

SOALAN 56
Apakah hukum seseorang itu menjadi malas?

Jawapan
Hukum malas adalah haram sekiranya melibatkan perkara-perkara yang wajib seperti solat fardu, puasa fardu, haji yang sudah mampu kita lakukan serta tanggungjawab bekerja mencari nafkah kepada anak dan isteri. Maka, ketika itu malas menjadi haram. Adapun malas untuk perkara-perkara sunat menjadi makruh manakala terhadap perkara-perkara yang tidak berfaedah itu, malas yang baik. Yang paling baik, iaitu malas melakukan maksiat. Itulah malas yang terbaik.

SOALAN 57
Adakah benar rezeki itu bermula pada waktu pagi atau keberkatannya pada waktu pagi?

Jawapan
Ya, benar. Permulaan keberkatan, kekayaan seseorang itu bermula pada awal pagi. Bahkan Rasulullah SAW bersabda:

اللهم بارك لأمتي في بكورها

Ya Allah Ya Tuhanku, berkatilah umatku pada awal pagi mereka.

Oleh sebab itu, sebahagian sahabat yang berniaga, mereka memulakan perniagaan pada awal pagi selepas Subuh dan mereka menjadi orang yang berjaya. Oleh itu, kita jadikanlah waktu Subuh sebagai waktu yang kita dapat bergerak untuk mencapai keberkatan dan reda Allah SWT.

SOALAN 58

Apakah hukum seseorang itu memohon kepada Allah SWT untuk menjadi kaya?

Jawapan

Hukumnya adalah harus dan tidak terlarang, bahkan kita digalakkan berdoa sedemikian untuk menunaikan kewajipan-kewajipan seperti membayar zakat, menolong orang miskin dan seumpamanya. Jadi, kita harus untuk menjadi kaya. Kita boleh mendoakan untuk diri kita dan mendoakan kepada orang lain, bukan untuk kita bermegah-megah tetapi untuk kita melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dan menjadi orang yang tidak meminta sedekah daripada orang lain. Maka, mendoakan diri untuk mencapai kekayaan itu adalah harus.

SOALAN 59

Bolehkah seseorang mencari ketenangan dengan mendengar lagu?

Jawapan

Mengikut kepada jenis lagu. Kalau lagu itu adalah baik liriknya dan iramanya boleh menjadikan kita lebih tenang, itu tidak terlarang dan harus selagi bersyarat, tidak mengabaikan solat, tidak cuai dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan yang lain, pada waktu yang sesuai, waktu yang tidak mengganggu amal ibadat kita, waktu petang, waktu-waktu yang kita letih, maka, ketika itu tidak salah kita mendengar lagu-lagu yang baik lirik dan iramanya untuk mencari ketenangan.

SOALAN 60

Apakah hukum seorang isteri atau suami bersangka buruk terhadap pasangannya?

Jawapan

Hukumnya berlainan mengikut keadaan. Kalau sangkaan itu hanya lintasan, dimaafkan. Lintasan semata-mata, curiga tetapi sangkaan buruk itu melampaui batas tanpa ada asas atau bukti, maka ini terlarang kerana boleh membawa kepada pergaduhan yang sia-sia. Kita sebagai pasangan mesti mempunyai konsep husnuzon dahulu. Namun begitu, tidak mengapa bertanya dan berjaga-jaga kalau kita terlintas tanpa memarahi atau melakukan perkara-perkara yang tidak baik seperti menengking dan seumpamanya.

SOALAN 61

Apakah hukum seseorang berdoa tidak mengangkat tangan?

Jawapan

Secara amnya, hukum mengangkat tangan ketika berdoa itu adalah sunat dan merupakan kaedah untuk dimakbulkan doa. Jadi, seseorang yang berdoa itu seeloknya dan seharusnya mengangkat tangan dengan adab supaya menjadi satu punca kepada penerimaan doa tersebut. Jika tidak dilakukan, tidaklah berdosa. Hanya disebut sebagai khilaful aula, tidak berapa elok.

SOALAN 62

Adakah terbatal solat apabila terselak sedikit kain di kaki seorang wanita?

Jawapan

Sekiranya berlaku secara cepat, apabila terselak, dia menutup semula dengan segera, maka tidak membatalkan solatnya oleh

sebab dia tidak sengaja dalam kadar *tamakninah*. Tetapi kalau dia melengah-lengahkan untuk menutup aurat kakinya, maka itu membatalkan solatnya.

SOALAN 63

Bilakah waktu yang sesuai untuk mendidik anak melakukan ibadat solat?

Jawapan

Yang paling sesuai ialah apa yang disebut oleh Rasulullah SAW, iaitu ajarlah anak kamu mendirikan solat ketika dia berumur tujuh tahun. Kerana apa? Ketika seseorang itu berumur tujuh tahun, dia telah memiliki minda sedar. Jadi, dia berupaya untuk memahami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan mendirikan solat. Oleh sebab itu, elok ketika berumur tujuh tahun, kita mengajar dia mendirikan solat. Sebelum berumur tujuh tahun, tidak dituntut kerana dia belum mencapai akal mumaiyiz. Oleh itu, ajarkanlah akhlak dan zikir-zikir sebelum berumur tujuh tahun.

SOALAN 64

Bagaimanakah kita ingin mencapai khusyuk dalam solat?

Jawapan

Antara cara yang disebut oleh ulama apabila kita ingin khusyuk dalam solat, yang pertama, ingatlah api neraka Allah SWT. Yang kedua, ingatlah syurga Allah SWT. Yang ketiga, fahami setiap bacaan ayat al-Quran dan hayati maknanya, menggambarkan perkara yang berlaku pada hari kiamat dan seumpamanya. Yang keempat, kita dahulukan dengan menunaikan solat sunat qabliyah. Mudah-mudahan mampu membuang lintasan-lintasan dunia dalam akal dan minda kita. Maka, selepas itu kita

menunaikan solat fardu dalam keadaan yang lebih khusyuk. Itulah sebahagian daripada kaedahnya.

SOALAN 65

Apakah hukum seseorang itu membeli rumah yang banyak dengan membuat pinjaman?

Jawapan

Sekiranya dia membeli rumah dengan tujuan untuk menyimpan aset atau hartanah untuk masa hadapannya yang lebih baik, diharuskan dengan syarat pinjaman yang dilakukan itu berdasarkan pembiayaan Islam. Hal ini bermakna, dia melakukan kontrak yang sahih di perbankan Islam. Sekiranya dia melakukan pembelian tersebut dengan menggunakan pembiayaan-pembiayaan yang bersifat riba daripada perbankan konvensional, maka itu adalah haram. Pastikan rumah dibeli menerusi pinjaman di perbankan Islam dengan kontrak-kontrak syariah.

SOALAN 66

Apakah hukum seseorang menjawab salam dengan hatinya?

Jawapan

Hukumnya tidak sah kerana menjawab salam adalah wajib. Wajib kita menjawab dengan suara yang didengari, dengan menjawab waalaikumussalam. Tetapi kalau kita hanya menggerakkan mulut atau menjawab dengan hati, maka jawapan salam itu tidak sah.

SOALAN 67

Adakah disyaratkan khusyuk dalam solat atau khusyuk menjadi rukun dalam solat?

Jawapan

Tidak. Khusyuk tidak disyaratkan atau menjadi rukun dalam solat. Maknanya, seseorang yang menunaikan solat tanpa khusyuk, solatnya sahih cuma tidak mendapat pahala atau kurang pahala sahaja. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil ulama tasawuf yang mewajibkan khusyuk dalam solat tetapi pendapat tersebut tidak dipakai dan tidak menjadi fatwa kepada umat Islam. Maka, solat kita sahih walaupun tidak khusyuk, cuma kita perlu berusaha untuk khusyuk dalam solat. Selamat beramal.

SOALAN 68

Apakah hukum seseorang itu mempercayai mimpi?

Jawapan

Mimpi tidak wujud dalam kehidupan kita. Mimpi hanya sebagai motivasi. Oleh itu, sebagai seorang Muslim, kita tidak bergantung pada mimpi dan tidak berhujah dengan mimpi. Maka, kita tidak boleh bergantung atau mempercayai mimpi. Jika kita bermimpi perkara yang elok, diam-diamkan sahaja dan bersyukur kepada Allah SWT agar menjadi motivasi tetapi janganlah kita menjadikannya suatu kepercayaan untuk membina kehidupan.

SOALAN 69

Bilakah seseorang itu wajib mengqadakan solatnya dengan segera?

Jawapan

Apabila dia meninggalkan solat dengan sengaja. Misalnya, dia sengaja meninggalkan solat Zohor. Jadi, apabila masuk waktu Asar, dia wajib mengqadakan solat Zohornya dengan segera kerana telah menjadi orang yang cuai dalam melaksanakan ibadat solat. Pastikan faham, kita wajib segerakan qada apabila meninggalkan solat dengan sengaja.

SOALAN 70

Apakah hukum membaca basmalah ketika mengambil wuduk?

Jawapan

Hukumnya adalah sunat, tidak menjadi rukun dalam wuduk. Maka, seseorang yang meninggalkan membaca basmalah dalam berwuduk, tidaklah membatalkan wuduknya.

SOALAN 71

Adakah batal solat seseorang apabila meninggalkan bacaan doa al-Iftitah?

Jawapan

Tidak batal solat kerana doa al-Iftitah bukan daripada rukun solat. Cuma tidak berapa elok atau kita namakan sebagai khilaful aula, hampir-hampir makruh.

SOALAN 72

Adakah batal wuduk seseorang lelaki menyentuh rambut wanita yang gugur berada di lantai?

Jawapan

Hukumnya, tidak batal wuduk kerana rambut itu ialah anggota yang telah terpisah daripada wanita tersebut dan rambut bukanlah anggota yang membatalkan wuduk seseorang.

SOALAN 73

Adakah seseorang itu boleh melakukan solat witir satu rakaat?

Jawapan

Harus dan sah solat witir satu rakaat mengikut mazhab Syafie. Cuma sebaiknya kita lakukan tiga, lima atau tujuh rakaat. Namun begitu, untuk melakukan satu rakaat, sah mengikut mazhab Syafie berdasarkan riwayat daripada Sayidina Mu‘awiyah yang melakukan solat sunat witir satu rakaat.

SOALAN 74

Bolehkah saya melakukan solat qabliyah selepas solat fardu? Mungkin kerana terlewat ke masjid atau seumpamanya.

Jawapan

Boleh. Kerana apa? Kerana waktu untuk solat sunat qabliyah, iaitu solat sunat sebelum solat fardu bermula dari masuk waktu solat fardu, misalnya waktu solat Zohor hingga tamat waktu fardu Zohor tersebut. Maknanya, solat sunat qabliyah boleh dilakukan sebelum dan selepas solat fardu. Jika seseorang datang ke masjid tidak sempat menunaikan solat sunat qabliyah, dia boleh

melakukannya selepas solat fardu, kemudian melakukan solat sunat ba‘diyah.

SOALAN 75

Apakah hukum meniup permukaan minuman kita?

Jawapan

Hukumnya adalah makruh kerana antara sebabnya adalah dapat memindahkan kuman atau kotoran yang berada di mulut ke dalam minuman kita. Jadi, itu perbuatan yang tidak baik. Walaupun tidak haram, namun tidak baik dan makruh hukumnya.

SOALAN 76

Apakah hukum seseorang yang makan tanpa membaca basmalah?

Jawapan

Hukumnya adalah makruh kerana kita disunatkan membaca bismillah terhadap perkara-perkara penting yang kita lakukan.

كل أمر ذي بال لايبدأ ببسم الله فهو أقطع

Semua perkara penting yang tidak dimulakan dengan bismillah, maka kurang keberkatannya.

Maka, jangan lupa untuk membaca bismillah. Kalau terlupa membaca bismillah pada awalnya, pada pertengahannya kita teringat, bacalah : بِسْمِ اللَّهِ فِي أَوَّلِهِ وَآخِرِهِ

SOALAN 77

Apakah hukum air mata orang yang menangis terkena mayat?

Jawapan

Hukumnya tidak ada apa-apa. Tiada apa-apa masalah atau tiada apa-apa yang haram. Yang terlarang ialah kita menangis dengan meraung dan meratap. Itu yang diharamkan dalam Islam. Sekadar tangisan kasih sayang, tangisan kesedihan, itu tidak ada apa-apa hukum. Itu diharuskan dalam syariat. Tidak ada apa-apa masalah.

SOALAN 78

Seseorang itu mengantuk di pejabat. Bolehkah dia mengambil sedikit masa untuk tidur bagi menghilangkan mengantuk dalam melaksanakan kerjanya?

Jawapan

Boleh jika kadarnya tidak begitu panjang, kadar dalam bentuk untuk mengembalikan tenaga. Itu tidak mengapa tetapi kalau tidur terus, iaitu menjadi budaya kepadanya, itu adalah terlarang dan melanggar syarat kontrak dalam pekerjaan. Tetapi kalau berasa sangat mengantuk, tiada ruang melainkan dengan tidur yang sedikit dalam masa beberapa minit untuk mengembalikan tenaga, itu dimaafkan, insya-Allah.

SOALAN 79

Adakah seseorang itu boleh meletakkan mahar yang tinggi dalam perkahwinan?

Jawapan

Ya, tidak ada masalah untuk meletakkan mahar yang tinggi dalam perkahwinan selagi diredai oleh pihak pasangannya. Namun

begitu di Malaysia, kadar mahar telah ditetapkan oleh setiap Jabatan Agama Islam Negeri. Mungkin yang dimaksudkan kadar yang tinggi ialah hantaran. Hantaran yang terbaik adalah sederhana. Janganlah terlampau tinggi dan tidaklah terlampau rendah. Jika tinggi sangat, mungkin akan membawa kepada pembaziran. Namun begitu, tidaklah haram.

SOALAN 80

Apakah hukum seseorang yang menunaikan solat tetapi tidak melakukan kebaikan yang lain?

Jawapan

Dia tetap mendapat pahala solatnya. Adapun amalan-amalan yang lain tidak dilakukan, mungkin zakat atau puasa, maka dia mendapat dosa. Di akhirat, dia akan ditimbang, amalan mana yang berat dan sebaliknya.

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ۙ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ۗ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ۙ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ.

Allah SWT akan menimbang amalan dengan adil. Yang berat pahalanya akan ke syurga, yang ringan pahalanya akan ke neraka. Maka, kita perlu terus melakukan kebaikan dalam semua perkara yang difardukan oleh Allah SWT.

SOALAN 81

Adakah perlu membaca basmalah dalam doa qunut?

Jawapan

Tidak perlu membaca basmalah. Baca apa yang warid dengan kita, iaitu terus membaca اَللّٰهُمَّ اهْدِنِى فِيْمَنْ هَدَيْتَ. Tidak ada bismillahirrahmanirrahim.

SOALAN 82
Adakah batal solat seseorang yang terlupa membaca amin selepas selesai membaca Surah al-Fatihah?

Jawapan
Tidak membatalkan solat kerana amin bukan daripada Surah al-Fatihah. Amin ialah satu kalimah yang bersifat Allah al-Mustajib, ***"Ya Allah Ya Tuhanku, perkenankanlah doaku"***. Amin ialah isim fi'il amar yang bersifat doa memohon kepada Allah SWT agar mengabulkan doa kita. Oleh itu, tidak membatalkan solat.

SOALAN 83
Bolehkah seseorang itu berkhalwat atau berdua-duaan dengan tunangnya?

Jawapan
Tidak boleh berdua-duaan dengan tunang kerana pertunangan itu bukanlah perkahwinan yang menghalalkan pasangan tersebut untuk berdua-duaan atau melakukan perkara yang diharamkan sebelum berkahwin. Pertunangan ialah perjanjian untuk berkahwin, bukan perkahwinan, maka hukumnya mengambil hukum ajnabi dan ajnabiah. Maknanya, pasangan itu tidak boleh berdua-duaan dan hukumnya adalah terlarang.

SOALAN 84
Bolehkah kita memotong kuku pada hari Selasa atau Rabu? Adakah terlarang?

Jawapan
Tidak terlarang. Sepanjang pengetahuan saya, tidak wujud dalil yang melarang seseorang itu memotong kuku pada hari Selasa

atau Rabu. Yang penting, apabila panjang dan kotor, kita memotong dan membersihkan kuku kita. Itu yang dituntut. Tiada larangan pada hari Selasa atau Rabu untuk memotong kuku.

SOALAN 85

Bolehkah seseorang bapa biologi berkahwin dengan anak luar nikahnya? Maknanya, anak dari sudut biologi yang tidak dibinkan namanya.

Jawapan

Tidak boleh walaupun terdapat mazhab seperti mazhab Syafie mengizinkan perkahwinan tersebut dalam keadaan makruh. Namun begitu, secara fatwa dan maqasidnya berpandangan, seseorang bapa biologi tidak boleh berkahwin dengan anak luar nikahnya kerana terdapat kesan yang buruk terhadap keluarga dan masyarakat.

SOALAN 86

Sekiranya bercampur daging ayam yang disembelih secara syar'ie dengan daging ayam yang tidak disembelih secara syar'ie dan kita tidak dapat mengetahui yang mana halal dan haram, adakah boleh dimakan?

Jawapan

Tidak boleh dimakan keseluruhannya kerana bercampur antara yang halal dengan haram. Jadi, kita mengutamakan hukum haram. Apabila bercampur antara yang halal dengan haram, maka yang haram mengatasinya. Oleh itu, perlu buang kesemuanya.

SOALAN 87

Seseorang itu melanggar kereta orang lain dengan tidak sengaja. Adakah dia perlu membayar ganti rugi?

Jawapan

Dia wajib membayar ganti rugi walaupun tidak sengaja melanggar kereta orang lain. Cuma dia tidak berdosa kerana tidak sengaja tetapi tetap perlu membayar ganti rugi. Dalam bab ganti rugi, ulama tidak mensyaratkan niat. Oleh itu, sengaja atau tidak sengaja, ganti rugi tetap perlu dibayar kerana dipanggil sebagai khitabul wadh‘i.

SOALAN 88

Betulkah permainan nombor ekor tidak haram kerana merupakan satu latihan semata-mata?

Jawapan

Tidak betul. Pembelian nombor ekor adalah haram kerana termasuk dalam judi yang diharamkan oleh Allah SWT. Maka, jangan bermain-main dengan nombor ekor walaupun kita nampak seperti permainan biasa sahaja. Hukumnya haram dan berdosa besar.

SOALAN 89

Adakah solat seseorang batal jika membaca basmalah dengan perlahan, tidak kuat seperti yang biasa didengar di Malaysia?

Jawapan

Tidak membatalkan solat kerana tetap sah membaca basmalah dengan perlahan walaupun dalam Mazhab Syafie perlu dibaca dengan kuat tetapi dalam mazhab lain boleh membacanya

dengan perlahan. Namun begitu, di Malaysia bacalah dengan kuat supaya sesuai dengan budaya atau amalan yang diamalkan di negara kita.

SOALAN 90

Batalkah puasa sekiranya tertelan sisa-sisa makanan yang ada di celah gigi?

Jawapan

Melihat kepada keadaan. Kalau kita telan dalam keadaan sedar atau sengaja, membatalkan puasa tetapi kalau kita telan air liur, tidak sedar ada makanan di celah gigi, masuk ke dalam perut kita tanpa sengaja dan tidak dapat dielakkan, itu dimaafkan. Disebut sebagai al-'Usru atau sukar untuk dielakkan. Jadi, itu dimaafkan. Tengok kepada dua keadaan tersebut.

SOALAN 91

Adakah sah mengambil wuduk dengan membasuh kepala tanpa menyapunya?

Jawapan

Sah mengikut Mazhab Syafie kerana apabila seseorang itu membasuh kepalanya, sudah merangkumi menyapu. Namun begitu, Mazhab Hambali mengatakan tidak sah kerana Allah SWT menyuruh kita menyapu kepala. Jadi, kalau kita membasuh rambut di kepala mengikut Mazhab Syafiee, sah tetapi mengikut Mazhab Hambali, tidak sah melainkan dengan menyapu. Tetapi pendapat yang terkuat, hukumnya adalah sahih dan solat yang dilakukan adalah sah.

SOALAN 92

Bolehkah apabila menunaikan solat, saya melafazkan takbiratulihram dengan Allahuljalil?

Jawapan

Tidak sah. Kita mesti menyebut dengan kalimah Allahuakbar. Sekalipun kita menyebut dengan kalimah Allahukabir, pun tidak sah. Yang sah hanya Allahuakbar. Tetapi kalau kita menambah alif lam, tidak memudaratkan. Maknanya, solat kita tetap sahih. Contohnya, kita menyebut Allahul akbar. Mengikut Mazhab Syafie, tidak mengapa tetapi yang afdalnya, kita melakukan seperti yang disebut dalam kitab atau yang warid daripada sunah Rasulullah SAW, iaitu dengan kalimah Allahuakbar.

SOALAN 93

Apakah hukum kedudukan darah haid? Adakah najis mughallazah, najis mukhafafah atau najis mutawassitah?

Jawapan

Darah haid ialah najis mutawassitah yang wajib dibuang warna, bau atau rasanya dengan pembasuhan air. Sekiranya warnanya tidak dapat dibuang kerana terlampau pekat, maka dimaafkan.

SOALAN 94

Apakah hukum sujud dengan hidung? Adakah wajib atau tidak?

Jawapan

Tidak wajib mengikut Mazhab Syafie. Mengikut Mazhab Syafie, yang wajib adalah sujud dengan dahi yang terbuka, bukan dengan hidung. Adapun Mazhab Hanafi memberikan pilihan sama ada dengan hidung atau dahi. Oleh itu, mazhab kita lebih mudah untuk

dipraktikkan di Malaysia. Maka, insya-Allah kalau hidung tidak terkena lantai, tidak membatalkan solat kita.

SOALAN 95

Saya mandi wajib, kemudian saya terlupa mengenakan air pada salah satu anggota badan. Selang beberapa jam, saya ingat semula. Adakah saya perlu mandi semula?

Jawapan

Tidak perlu. Cukuplah membasuh atau mengalirkan air pada bahagian badan yang tidak terkena kerana tidak disyaratkan berturut-turut bagi anggota badan yang berhadas besar. Oleh itu, hanya basuh pada bahagian yang tidak terkena.

SOALAN 96

Bolehkah seorang abang atau seorang lelaki berkahwin dengan adik susuannya?

Jawapan

Haram, tidak sah dan tidak boleh berkahwin kerana mereka seperti adik-beradik kandung melainkan tidak mewarisi faraid. Yang lain sama sahaja, boleh berkhalwat dan bersalaman kerana dia ialah adik susuan yang sabit secara rodho', maka hubungan mahram, tidak boleh berkahwin selama-lamanya.

SOALAN 97

Saya terbaca hadis, sesiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja, hukumnya kafir. Apakah maknanya, ustaz?

Jawapan

Itu ialah kafir nikmat, bukan kafir yang membatalkan akidah. Itulah pandangan jumhur ulama termasuk Mazhab Syafie. Sesiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja, hukumnya berdosa besar

seolah-olah dia seperti orang kafir yang tidak pernah menunaikan solat. Beza kita orang Islam dengan orang kafir adalah tidak menunaikan solat. Oleh itu, orang Islam yang tidak menunaikan solat, seolah-olah dia melakukan seperti perbuatan orang kafir. Tetapi dia bukanlah menjadi kafir yang memurtadkannya. Kalau dia meninggal dunia, kita tetap melakukan solat jenazah terhadapnya dan dia ditanam di perkuburan Islam. Itulah maksud hadis tersebut.

SOALAN 98

Bolehkah seseorang wanita pergi ke spa dengan meminta pekerja di situ membuang bulu kemaluannya?

Jawapan

Haram kerana membuang bulu kemaluan untuk kecantikan tiada sebarang keperluan atau dharurah. Maka, apabila perkhidmatan itu disediakan atau seseorang wanita pergi ke spa untuk mendapatkan perkhidmatan sedemikian adalah haram kerana terdedah kepada aurat yang besar dan tiada keperluan untuk meminta orang lain membuang bulu kemaluannya walaupun orang itu perempuan. Yang boleh membuang bulu kemaluannya ialah suaminya atau dirinya sahaja.

SOALAN 99

Apakah hukum air mazi? Adakah najis?

Jawapan

Air mazi ialah najis mutawassitah. Sama seperti air kencing, wajib dibasuh dengan air mutlak. Air mazi ialah air yang keluar ketika ada syahwat, berlendir, maka wajib dibersihkan daripada kemaluan dengan basuhan air, bukan mengelap atau menyapu.

SOALAN 100

Adakah sedekah hanya ditumpukan pada hari Jumaat?

Jawapan

Tidak. Sedekah ialah ibadah sunat mutlaqah. Maknanya, sunah yang tidak terikat dengan zaman, bila-bila masa sahaja kita boleh bersedekah, pada siang dan malam, secara terang atau sembunyi. Namun begitu, pada hari Jumaat, hari yang berkat, kita digalakkan lagi untuk bersedekah. Kita bukan sahaja digalakkan bersedekah pada hari Jumaat, tetapi juga di Makkah, di tempat-tempat yang berkat serta pada waktu yang berkat. Oleh itu, teruskan bersedekah. Cuma pada hari Jumaat, perlu perbanyakkan lagi.

BAHAGIAN DUA

SOALAN 101
Sahkah seseorang yang sakit berpuasa?

Jawapan
Sah, walaupun dia sakit dan diberikan keuzuran untuk berbuka puasa, namun dia tetap meneruskan puasanya. Hukum puasanya adalah sahih.

SOALAN 102
Benarkah seorang wanita yang meninggal dunia ketika bersalin hasil daripada perzinaan dianggap sebagai mati syahid?

Jawapan
Benar. Walaupun dia telah melakukan dosa besar tetapi rahmat Allah SWT itu luas. Dia meninggal dunia dalam keadaan bersalin, tetap tergolong dalam kalangan syahid akhirat, bukan syahid dunia. Insya-Allah, Allah SWT akan mengampunkan dosanya dengan rahmat Allah SWT. Mudah-mudahan dia dimasukkan ke syurga Allah SWT. Tetapi eloklah dia bertaubat nasuha selepas melakukan dosa besar itu.

SOALAN 103
Adakah seorang wanita masih wajib mengqadakan puasanya walaupun setelah membayar fidyah?

Jawapan
Dia tetap wajib mengqadakan puasanya. Fidyah merupakan perkara kedua berbentuk denda. Contohnya seseorang yang bersalin, tidak sempat untuk mengqadakan puasa pada tahun itu, kemudian mengqadakan puasa pada tahun hadapan, iaitu

selepas Ramadan yang kedua, maka dia perlu membayar fidyah tetapi tetap perlu mengqadakan puasa itu, tidak gugur kewajipan.

فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Sesiapa yang bermusafir atau sakit, lalu berbuka puasa, dia wajib menggantikan puasanya pada hari-hari yang lain.

Oleh itu, asasnya adalah dengan mengqadakan puasa. Walaupun dia membayar fidyah, tetap perlu mengqadakan puasa dahulu. Selepas qada, barulah membayar fidyah. Itulah yang tepat.

SOALAN 104
Bolehkah seorang wanita menindik subang di telinganya?

Jawapan
Harus tetapi jangan berlebihan. Boleh menindik atau meletakkan subang di telinga dalam keadaan yang sederhana. Satu di telinga kanan, satu di telinga kiri. Cuma jangan tunjukkan kepada ajnabi. Tunjukkan kepada mahram dan ahli keluarga sahaja. Oleh itu, memakai atau menindik subang di telinga, hukumnya adalah harus, tidak mengapa.

SOALAN 105
Bagaimanakah cara berniat qada dalam solat?

Jawapan
Sahaja aku solat fardu Zohor (jika tertinggal solat Zohor) empat rakaat qada kerana Allah Taala. Mudah sahaja.

SOALAN 106

Apakah hukum apabila seseorang itu ketika menunaikan solat, mukanya berpaling dari kiblat tetapi dadanya menghadap kiblat?

Jawapan

Hukum solatnya adalah makruh tetapi tetap sah kerana yang disyaratkan ialah dada menghadap kiblat. Jika muka berpaling, tidak membatalkan solat. Cuma makruh kerana ketika mendirikan solat, mata kita disunatkan menghadap atau melihat tempat sujud. Hal ini bermakna, kepala kita perlulah ke arah kiblat tetapi tunduk sedikit untuk mata melihat tempat sujud. Oleh itu, jika kita berpaling dengan sengaja, maka hukumnya adalah makruh.

SOALAN 107

Bolehkah seorang wanita membaca al-Quran dalam keadaan tidak bertudung?

Jawapan

Hukumnya boleh, tiada masalah. Cuma seeloknya dia memakai tudung atau menutup rambutnya. Itu lebih baik, lebih beradab. Jika dia membaca al-Quran dalam keadaan tidak memakai tudung, hukumnya tidak mengapa. Paling kurang pun, dikatakan makruh. Itu sahaja.

SOALAN 108

Apakah hukum mencukur rambut atau jambul bayi mengikut pandangan Islam?

Jawapan

Mencukur rambut atau jambul yang ada pada bayi yang dilahirkan adalah sunat. Kata ulama, untuk membuang segala kotoran

akhlak yang tidak baik, kita buang rambut yang ada pada bayi ketika tujuh hari dilahirkan. Itu adalah sunah kerana mencukur rambut atau jambul hanya disunatkan kepada kanak-kanak yang dilahirkan. Selepas dewasa, tiada sunah untuk kita membotakkan kepala melainkan mereka yang melakukan ibadah haji atau umrah. Oleh itu, apabila seseorang bayi dilahirkan, cukup sahaja tujuh hari, maka disembelih seekor kambing dan dicukur rambut di kepala bayi tersebut.

SOALAN 109

Sedia maklum jika kita pergi ke rumah orang, apabila hendak melaksanakan solat berjemaah, orang yang paling layak dan afdal menjadi imam ialah tuan rumah. Tetapi sekarang, yang menjadi tuan rumah ialah orang yang menyewa, iaitu dia menyewa rumah milik orang lain. Jadi, apabila datang tuan rumah yang asal untuk menziarahinya, maka siapakah yang paling layak menjadi imam?

Jawapan

Orang yang menyewa kerana tuan pemilik asal telah menjual manfaat rumah kepada orang yang menyewa rumah tersebut. Seolah-olah dia telah memiliki rumah itu secara manfaat walaupun tidak memiliki rumah secara keseluruhan. Oleh itu kata ulama, imam solat berjemaah yang paling afdal ialah orang yang menyewa, bukan tuan rumah yang asal kerana dia telah memiliki manfaat rumah tersebut. Tetapi jika tuan rumah yang asal mahu menjadi imam, tiada masalah. Cuma di sini, kita bincangkan dari sudut afdal.

SOALAN 110

Bolehkah seorang lelaki yang telah menyusu dengan seorang wanita bersalam dengan ibu kepada ibu susuannya?

Jawapan

Boleh kerana ibu kepada ibu susuan, hukumnya sama seperti nenek atau ibu kepada ibu kandung kita. Oleh itu hukumnya, mereka ialah mahram, boleh bersalaman dan tidak boleh berkahwin kerana hukum menyusu atau disebut sebagai al-rada' seperti kandung. Hubungannya dengan ibu kepada ibu susuannya sama seperti neneknya.

SOALAN 111

Bolehkah seseorang berkahwin dengan robot kerana pada zaman sekarang ini, ada orang mencipta robot sama seperti rupa manusia? Jika dia berkahwin, sah atau tidak sah?

Jawapan

Hukumnya tidak sah kerana robot bukanlah seorang insan walaupun rupanya seperti manusia. Dia bukan mukalaf, maka perkahwinan itu adalah batil dan tidak sah. Sekiranya berlaku persetubuhan, hukumnya sama seperti beronani dan boleh membawa kepada dosa besar kerana niatnya bersetubuh.

SOALAN 112

Sekiranya seseorang itu melakukan IVF dan dia terpaksa melakukan onani pada bulan puasa, adakah membatalkan puasanya?

Jawapan

Hukumnya adalah batal kerana onani dengan apa-apa sahaja cara, untuk IVF atau seumpamanya ialah salah satu perkara yang membatalkan puasa. Cuma saya nasihatkan, tangguhkanlah.

Buat temu janji dengan doktor pada waktu malam sekiranya diizinkan oleh doktor. Jika tidak, tangguhkanlah selepas Ramadan kerana hal itu membawa kepada pembatalan puasa. Cuma jika lakukan juga, hukumnya adalah batal puasa.

SOALAN 113

Bolehkah melakukan IVF dengan pasangan bukan isteri seperti ibu tumpang dan seumpamanya?

Jawapan

Haram secara ijmak kerana syarat untuk melakukan IVF mestilah pasangan suami isteri. Hatta, sekiranya dengan madu sekali pun, misalnya kita ambil ovum daripada isteri pertama, letakkan dalam rahim isteri kedua, tetap haram. Oleh itu, sebelum melakukan IVF, pihak hospital perlulah memastikan mereka ialah pasangan suami isteri serta diambil sperma dan ovum daripada mereka berdua, bukan daripada orang lain.

SOALAN 114

Adakah batal puasa sekiranya saya menderma darah pada bulan Ramadan?

Jawapan

Tidak batal puasa. Cuma makruh sahaja tetapi jika memang diperlukan oleh pihak hospital kerana keperluan darah yang begitu banyak, misalnya hospital kekurangan darah, banyak kes kemalangan dan seumpamanya, ketika itu, hilang makruh kerana ulama menyatakan :

الكراهة تزول لأدنى الحاجة

Hukum makruh itu hilang apabila terdapat keperluan

Dalam hal ini, berlaku keperluan yang melibatkan nyawa, insya-Allah tidak makruh.

SOALAN 115

Bolehkah saya memberikan anak saya kepada orang bukan Islam untuk menyusu? Apakah hukumnya?

Jawapan

Hukumnya adalah makruh. Kita tidak boleh memberi anak kita kepada orang bukan Islam untuk menjadi anak susuan. Walaupun tidak haram tetapi makruh. Dibimbangi ada perkara-perkara yang akan menjadikannya terpengaruh dengan budaya bukan Islam. Saya berharap tidak akan berlaku perkara sedemikian. Walaupun dia menyusu sebanyak lima kali sabit pengharaman dan menjadi mahram tetapi pada dasarnya, tidak digalakkan.

SOALAN 116

Bolehkah seorang ayah angkat berkahwin dengan anak angkatnya? Dia menjaganya dari kecil. Apabila telah dewasa, teringin untuk berkahwin dengan anak angkatnya. Adakah harus?

Jawapan

Harus kerana mereka bukanlah mahram. Cuma berlaku atau tidak, saya tidak pasti tetapi jika ingin berkahwin, hukumnya harus kerana mereka bukan mahram.

SOALAN 117

Adakah nafkah yang tidak dibayar oleh suami kepada isterinya dianggap sebagai hutang?

Jawapan

Ya, menjadi hutang mengikut Mazhab Syafie. Kalau tiga bulan dia tidak membayar nafkah kepada isterinya kerana masalah kewangan, semuanya direkodkan sebagai hutang. Apabila sudah mempunyai duit, isteri boleh menuntut kadar nafkah yang menjadi tunggakan tersebut. Tetapi jika isteri mahu menghalalkannya, tiada masalah.

SOALAN 118

Adakah sah sesuatu tawaran atau promosi yang menawarkan sebuah kereta, belum diletakkan harga tetapi sesiapa yang mahu membeli, perlu membayar RM500 terlebih dahulu sebagai wang tempahan? Adakah cara begitu sah mengikut pandangan fikah?

Jawapan

Insya-Allah, sah kerana belum ada kontrak jual beli. Wang tempahan itu sebagai komitmen untuk menunjukkan dia berjanji untuk membeli walaupun belum lagi disebut harga kereta tersebut. Hal ini tidak termasuk dalam penipuan atau gharar yang merosakkan akad kerana mereka akan membuat akad atau kontrak jual beli yang lain. Oleh itu, tidak menyebut harga dalam penempahan yang bukan dalam bentuk kontrak jual beli tidak termasuk dalam perkara yang membatalkan.

SOALAN 119
Bolehkah orang buta berjual beli?

Jawapan
Hukumnya boleh sekiranya tiada sebarang kemusykilan atau perkara-perkara yang tersembunyi, dia mampu mengenal dengan caranya yang tersendiri, menggunakan teknik-teknik tertentu dan maklumat-maklumat yang boleh diperoleh, maka tiada masalah. Ulama dahulu tidak mengizinkan kerana dikhuatiri orang buta itu tidak mengetahui perkara-perkara tersebut, perkara tersebut majhul atau tidak diketahui barang tersebut, maka tidak sah. Namun begitu pada zaman sekarang, mereka mampu membeli tanpa sebarang penipuan, dengan maklumat yang dapat diperoleh melalui ilmu-ilmu yang dimiliki dan teknik-teknik pembelajaran mereka, maka insya-Allah, jual beli mereka itu sahih.

SOALAN 120
Bolehkah seseorang itu melakukan sujud syukur dalam solat?

Jawapan
Tidak boleh kerana sujud syukur satu ibadat manakala solat satu ibadat yang lain. Jika seseorang itu melakukan sujud syukur dalam solat, maka terbatal solatnya. Jadi, jangan buat. Jika hendak melakukannya, lakukan apabila mendapat nikmat, anugerah dan sebagainya ketika di luar ibadat solat.

SOALAN 121

Bolehkah seorang yang bisu menyembelih haiwan seperti lembu? Adakah sah sembelihan itu?

Jawapan

Sahih. Yang penting, dia seorang Islam. Ungkapan bismillah tidak wajib. Sembelihannya tepat, itu cukup untuk mengesahkan sembelihan tersebut. Dia tidak perlu untuk bercakap kerana bismillah bukan rukun wajib dalam penyembelihan, sunat sahaja tetapi dia boleh membacanya dalam hati.

SOALAN 122

Betulkah belalang boleh dimakan?

Jawapan

Belalang ialah haiwan yang boleh dimakan termasuklah bangkainya. Jika belalang itu mati, kita mahu memasak gulai, boleh. Cuma saya tidak pernah jumpa di Malaysia makan gulai belalang. Disebutkan dalam hadis, dua bangkai yang dihalalkan ialah ikan dan belalang.

SOALAN 123

Betulkah kanak-kanak dilarang berkeliaran pada waktu Maghrib?

Jawapan

Ya, betul. Kanak-kanak dilarang berkeliaran pada waktu Maghrib kerana waktu itu syaitan berkeliaran. Kita bimbang apa-apa terjadi kepada mereka. Oleh itu, setengah jam atau 40 minit sebelum Maghrib, masukkan mereka ke dalam rumah untuk menjaga keselamatan mereka.

SOALAN 124

Adakah batal solat saya sekiranya saya terkentut ketika membaca doa selepas solat?

Jawapan

Tidak batal kerana telah selesai mendirikan solat. Tiada masalah walaupun terkentut. Cuma tidak beradab apabila kentut ketika berdoa. Namun begitu, tidak batal solatnya. Solatnya adalah sahih dan tidak perlu diulang semula.

SOALAN 125

Seseorang itu berjunub, namun lupa untuk mandi hadas. Kemudian, dia menyembelih haiwan. Adakah sah dan haiwan sembelihan tersebut boleh dimakan?

Jawapan

Hukumnya sah. Seseorang yang berjunub misalnya, pekerja lupa untuk mandi wajib. Dia menyembelih banyak haiwan, puluhan ekor. Kesemua haiwan sembelihan tersebut, jika mengikut syarat-syarat sembelihan, maka sembelihan tersebut adalah halal.

SOALAN 126

Bolehkah seseorang itu memijak kubur dengan sengaja?

Jawapan

Tidak boleh. Dia seperti tidak menghormati jenazah tersebut. Seperti mana kita tidak boleh memijak orang yang hidup, begitu juga tidak boleh memijak kubur orang yang telah meninggal dunia. Kalau ramai-ramai mahu mengebumikan jenazah, terpaksa memijak kubur, itu dimaafkan. Jika sengaja memijak, tidak boleh dan terlarang.

SOALAN 127
Adakah terdapat cara untuk melipat sejadah dengan betul?

Jawapan
Tiada cara lipatan sejadah yang khusus. Yang penting, sejadah dilipat dengan baik, beradab sama ada petak atau tiga segi, yang penting diletak di tempat yang sesuai dengannya. Lipatan itu mengikut kesesuaian bentuk sejadah, kain dan seumpamanya. Maka, tiada satu lipatan yang khusus, yang penting elok.

SOALAN 128
Bolehkah orang lelaki yang berambut panjang mengikat rambutnya?

Jawapan
Hukumnya adalah makruh. Pada zaman ini, rambut panjang bukanlah dikatakan sunah yang baik kerana tidak menggambarkan budaya kita. Orang-orang soleh di Malaysia tidak berambut panjang. Jika berambut panjang, tidak menjadi sunah pada zaman sekarang. Apabila kita mengikat rambut, hukumnya tidak menjadi haram tetapi dekat kepada makruh sahaja. Oleh itu, tidaklah berdosa melakukan perkara sedemikian.

SOALAN 129
Bolehkah seseorang itu menjual barang yang belum dia miliki?

Jawapan
Tidak boleh. Seseorang itu disyaratkan memiliki barang yang hendak dijual. Contohnya, dia menjual telefon bimbit kepada seseorang. Dia belum memiliki telefon bimbit tersebut. Orang memberi duit kepadanya, lalu dia membelinya di kedai lain. Dia mengambil telefon bimbit tersebut dan memberikannya kepada

orang yang memberi duit itu dengan akad jual beli, sedangkan barang tersebut dia belum miliki pada asalnya. Jual beli seperti ini tidak boleh dilakukan. Jadi, untuk menjual barang, sesuatu barang tersebut mesti kita miliki walaupun mungkin barang tersebut ada di rumah kita. Kalau tidak memilikinya, cukuplah kita menjadi wakil atau broker sahaja. Oleh itu, kita tidak boleh meletakkan lafaz jual beli dalam keadaan barang yang tidak kita miliki.

SOALAN 130

Bolehkah saya mengqadakan solat Zohor selepas solat fardu Asar?

Jawapan

Boleh. Bagi mengqadakan solat fardu, tiada waktu haram seperti kita melaksanakan solat-solat sunat. Waktu mana-mana pun kita boleh qada. Selepas Asar, selepas Subuh, waktu tengah hari dan semua waktu yang dikatakan haram hanya untuk menunaikan solat sunat. Adapun untuk mengqadakan solat fardu, tiada waktu haram.

SOALAN 131

Kita tahu, menjual ikan yang berada di dalam air adalah terlarang tetapi adakah terdapat keadaan yang membolehkan kita menjual ikan yang berada di dalam air?

Jawapan

Ada. Seperti yang kita tahu, kaedah asal tidak boleh menjual ikan yang berada di dalam air. Cuma dikecualikan apabila cukup tiga syarat. Yang pertama, ikan itu kita miliki, contohnya di dalam akuarium. Yang kedua, air itu jernih, kita nampak. Jika di dalam akuarium, kita nampak ikan itu. Jika di dalam kolam yang besar, kita tidak nampak ikan. Itu tidak boleh. Yang ketiga, boleh

ditangkap. Kalau tidak boleh ditangkap, susah misalnya, di laut. Jika cukup tiga syarat itu, dimiliki, air dapat dilihat, kemudian boleh ditangkap, maka kita boleh menjual ikan yang berada di dalam air.

SOALAN 132
Apakah beza antara sertu dengan samak?

Jawapan
Sertu ialah basuhan hasil daripada najis anjing atau khinzir, dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Salah satu daripada tujuh basuhan itu dicampur dengan air tanah dan disiram ke tempat yang perlu dibasuh. Adapun samak ialah cucian terhadap kulit-kulit haiwan yang telah mati, dibersihkan, dicuci kulitnya sehingga kalau diletakkan di dalam air, air itu tidak berbau dan kulit itu bersih daripada segala lemak atau bau-bau busuk yang menunjukkan najis. Oleh itu, sertu ialah penyucian daripada najis anjing atau khinzir manakala samak ialah penyucian terhadap kulit-kulit haiwan yang lain untuk dibuat pakaian atau seumpamanya.

SOALAN 133
Apakah pengertian harus mengikut pandangan syariat atau Islam kerana harus dalam bahasa Melayu bersifat wajib?

Jawapan
Harus dalam Islam bersifat pilihan. Maknanya, boleh dilakukan dan boleh ditinggalkan. Tiada satu kelebihan dalam meninggalkan dan tiada satu kelebihan dalam melakukan. Seperti makan, benda yang harus. Seperti berkahwin, benda yang harus walaupun ada sunah-sunahnya tetapi merupakan benda-benda yang bersifat syahwat yang jika tiada syariat pun, kita akan lakukan seperti perkahwinan, makan minum, tidur dan sebagainya. Itulah yang

dinamakan harus. Kita mempunyai pilihan untuk melakukannya atau tidak. Jika melakukannya, tiada pahala, jika ditinggalkan, tiada dosa. Itulah maksud harus.

SOALAN 134

Adakah seseorang yang melahirkan anak tanpa nifas wajib untuk mandi wajib?

Jawapan

Dia wajib menunaikan mandi wajib atau hadas besar. Kerana apa? Melahirkan anak itu dianggap seperti mengeluarkan air mani kerana anak itu atau bayi tersebut terhasil daripada air mani. Ulama menganggap seolah-olah mengeluarkan air mani, maka dinamakan sebagai mandi wiladah.

SOALAN 135

Adakah meludah akan membatalkan wuduk?

Jawapan

Tidak, meludah bukanlah perkara yang membatalkan wuduk. Yang membatalkan wuduk, yang penting untuk kita ingat, keluar dari lubang kemaluan depan atau belakang. Yang keluar dari mulut sama ada muntah, ludah dan seumpamanya walaupun kotor dan najis, tidak membatalkan wuduk.

SOALAN 136

Benarkah wanita boleh bermimpi hingga keluar air mani? Adakah wajib mandi ke atasnya?

Jawapan

Benar. Ada sebahagian wanita yang bermimpi, lalu keluar air mani, maka ketika itu dia wajib untuk mandi wajib. Tidak boleh kata mimpi itu hanya berlaku kepada lelaki. Ada juga berlaku kepada wanita. Apabila dia bermimpi dan keluar air mani, dia wajib menunaikan mandi wajib atau hadas besar seperti kaum lelaki.

SOALAN 137

Bolehkah seorang Muslim memberi sedekah kepada orang bukan Muslim?

Jawapan

Diharuskan, bahkan digalakkan untuk memberi sedekah kepada manusia walaupun kepada orang bukan Islam kerana sedekah tidak melibatkan perkara-perkara yang wajib seperti zakat. Maka, diharuskan. Kaedah kita, orang bukan Islam boleh menerima sedekah daripada kita dan kita pun boleh menerima sedekah daripada mereka. Jadi, tiada masalah. Wang sedekah sunat diberikan kepada orang bukan Islam yang memerlukan selagi mereka tidak memerangi Islam dan umat Islam.

SOALAN 138

Adakah wanita wajib menunaikan solat Jumaat?

Jawapan

Tidak wajib. Wanita tidak wajib menunaikan solat Jumaat. Cuma yang seronoknya, jika dia pergi menunaikan solat Jumaat dua

rakaat dan mendengar khutbah atau dia pergi tetapi terlewat dan sempat menunaikan solat Jumaat dua rakaat bersama dengan imam, gugur solat fardu Zohor ke atasnya. Itulah perbuatan yang tidak wajib tetapi apabila dilakukan, kefarduan digugurkan. Oleh itu, jika wanita berpeluang untuk menunaikan solat Jumaat, dia mendirikan solat Jumaat bersama-sama 40 orang jemaah ke atas, maka dia telah mendapat kelebihan, iaitu solat Jumaat dan gugur solat fardu Zohor ke atasnya.

SOALAN 139

Seseorang itu menunaikan solat Zohor. Pada sangkaannya, telah masuk waktu. Tiba-tiba, setelah dia selesai menunaikan solat Zohor, belum lagi masuk waktu. Jadi, apakah kedudukannya?

Jawapan

Solat Zohor yang didirikannya tidak sah dan hanya menjadi solat sunat. Oleh itu, solatnya menjadi sunat walaupun dia berniat solat Zohor tetapi belum masuk waktu. Maka, ini disebut sebagai

إذا بطل الخصوص بقي العموم

Apabila batal yang khusus, kekal yang umum, (iaitu solat sunat)

Hal ini bermakna, solat Zohor tidak sah, tetapi menjadi solat sunat. Maka, dia perlu mengulang semula solat fardu Zohor.

SOALAN 140

Bolehkah anak luar nikah menjadi imam dalam solat?

Jawapan

Sekiranya dia lengkap syarat, cukup umur, mampu untuk mendirikan solat, faham rukun dan syarat dalam solat, bacaannya fasih serta menepati hukum tajwid, maka sah dan dia dibolehkan

menjadi imam solat bagi jemaah. Cuma ulama khilaf sama ada makruh atau tidak makruh. Oleh itu, anak luar nikah boleh menjadi imam solat apabila dia seorang yang telah cukup umur atau dia kanak-kanak yang mumaiyiz, matang, faham rukun solat dan syaratnya.

SOALAN 141

Adakah seseorang itu perlu berhijrah secara total, meninggalkan segala larangan atau perlu berhijrah sedikit demi sedikit?

Jawapan

Asasnya, kita perlu meninggalkan maksiat secara total. Itu penghijrahan yang hakiki. Maksiat perlu ditinggalkan secara total. Kita tidak boleh melakukan sebahagian maksiat dan meninggalkan sebahagian maksiat lagi. Namun begitu, sekiranya tidak mampu untuk melawan keseluruhannya, kita juga boleh melakukan taubat secara berperingkat-peringkat.

Contohnya, seseorang itu melakukan maksiat yang terlalu besar, jadi dia meninggalkan yang sangat besar seperti seseorang itu melakukan zina dan bermain judi. Jadi, dia mahu bertaubat daripada berzina dahulu tetapi tidak dapat untuk meninggalkan perbuatan judi lagi. Boleh, namun dia tetap berdosa tetapi cukup baik apabila dia berjaya meninggalkan perbuatan zina dahulu. Dia meninggalkan perbuatan zina, dia bertaubat daripada sebahagian dosa besarnya, dianggap sebagai sah.

Cuma dosa yang dilakukan olehnya tetap ditanggung. Namun begitu, cara sedemikian tetap dianggap boleh diterima. Mudah-mudahan Allah SWT memberikan pertolongan kepadanya untuk meninggalkan segala dosa besar yang wajib ditinggalkan secara total.

SOALAN 142

Bolehkah seorang wanita memakan pil untuk melambatkan haidnya bagi melakukan ibadat seperti umrah dan puasa?

Jawapan

Boleh, dengan dua syarat. Pertama, pil itu tidak mendatangkan kemudaratan hasil daripada nasihat seorang doktor pakar dan yang kedua, niatnya baik untuk melakukan ibadat seperti umrah atau puasa. Dia mahu memenuhkan puasa Ramadan, dia mengambil pil tersebut untuk melambatkan haid. Jika ada dua syarat itu, maka pengambilan pil tersebut tidak salah tetapi kalau ada kemudaratan atau atas tujuan yang tidak baik seperti untuk pelacuran atau mahu mempercepat haid bagi menghalang suaminya daripada bersetubuh dengannya, maka haram kerana niat yang tidak baik.

SOALAN 143

Apabila seseorang jenazah yang meninggal kerana ditimpa virus Corona, bagi mereka yang tidak dapat menunaikan solat jenazah ke atas jenazah tersebut secara berjemaah, adakah mereka boleh menunaikan solat jenazah secara ghaib?

Jawapan

Mengikut Mazhab Syafie adalah harus. Apabila seseorang itu terhalang dengan sebab-sebab yang sangat logik atau diizinkan oleh syarak seperti kita sekarang terhalang untuk melaksanakan solat jenazah secara berjemaah atau beramai-ramai, maka kita boleh melaksanakan solat jenazah secara ghaib di rumah atau di mana-mana walaupun berdekatan dengan jenazah atau perkuburan kerana terdapat halangan-halangan yang diterima oleh syarak. Maka, tidak mengapa jika kita menunaikan solat

ghaib setelah jenazah dimandikan dan dikafankan bagi jenazah yang ditimpa penyakit Corona.

SOALAN 144

Saya terdengar satu ceramah. Ustaz itu menyebut, kita disunatkan melakukan al-istihdad. Apakah makna al-istihdad?

Jawapan

Al-istihdad ialah kita membuang bulu kemaluan apabila panjang dan tidak selesa. Kita disunatkan mencukur atau membuang bulu kemaluan dengan sebarang jenis peralatan seperti gunting atau pisau cukur. Itulah makna al-istihdad.

SOALAN 145

Seseorang imam terlupa untuk membaca basmalah dalam al-Fatihah. Adakah solatnya sah?

Jawapan

Tidak sah kerana basmalah ialah sebahagian daripada surah al-Fatihah. Itu merupakan pandangan Mazhab Syafiedan Mazhab Ahmad ibn Hambal. Oleh itu, sekiranya seseorang itu terlupa untuk membaca basmalah, dia perlu mengulang kembali dengan membaca basmalah dan membaca اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَۙ kerana basmalah itu satu ayat daripada tujuh ayat Surah al-Fatihah.

SOALAN 146

Adakah kita boleh meminta doa untuk bersabar?

Jawapan

Boleh dan memang dituntut kerana kesabaran itu merupakan sifat yang sangat penting dalam kehidupan kita. Dalam doa yang kita mohon kepada Allah SWT:

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا

Ya Allah ya Tuhanku, limpahkanlah kepada kami kesabaran untuk menghadapi segala cubaan kehidupan yang sangat pedih ini, kesabaran untuk melaksanakan ibadat dan kesabaran untuk ikhlas dalam setiap ibadat yang dilakukan kepada Allah SWT. Teruskan berdoa agar Allah SWT mengurniakan sifat kesabaran kepada kita.

SOALAN 147

Adakah kita membaca doa makan semata-mata untuk makan sahaja?

Jawapan

Tidak. Kita membaca apa-apa jua doa untuk beribadat kepada Allah SWT. Yang kedua, untuk diberkati makanan tersebut. Yang ketiga, untuk mensyukuri nikmat Allah SWT. Oleh itu, doa itu bukan sekadar untuk makan tetapi untuk mendapatkan keberkatan dan sebagai ibadat kepada Allah SWT.

SOALAN 148

Bolehkah seseorang itu melaksanakan solat sunat Duha ketika bekerja?

Jawapan

Boleh kalau kadar yang dimaafkan oleh syarikat seperti dalam tempoh lima hingga 10 minit. Jangan panjang sangat, dirikan solat dua rakaat, jadi kita cepatkan. Sesetengah pejabat memang memberi keizinan untuk minum atau rehat seketika. Oleh itu, waktu sedemikian kita lakukan ibadat solat sunat duha dalam dua atau empat rakaat secara ringkas.

SOALAN 149

Adakah kita digalakkan berumah dekat dengan masjid?

Jawapan

Sudah tentu. Kita digalakkan tinggal berdekatan dengan masjid agar dapat pergi ke masjid atau ke surau untuk menunaikan solat berjemaah. Namun begitu, tidak salah jika seseorang itu tinggal jauh dari masjid atau seumpamanya kerana pada zaman sekarang, kita mempunyai kereta untuk dinaiki. Tidaklah salah jika tinggal jauh dari masjid, cuma digalakkan dekat agar hati kita lebih rapat dengan masjid atau surau.

SOALAN 150

Seseorang itu meninggal dunia sebelum sempat dia mengqadakan puasanya. Adakah amalannya tergantung?

Jawapan

Wallahu a'lam. Adakah amalannya tergantung atau tidak tergantung, kita serahkan kepada Allah SWT. Yang penting, pihak keluarga wajib menunaikan tanggungjawab tersebut sama ada

mengqadakan untuk si mati atau membayar fidyah. Mungkin seorang membayar RM5. Jika si mati meninggalkan puasa sebanyak 20 hari, RM5 x 20 hari, lebih kurang RM100 perlu diberikan kepada fakir. Seterusnya, kita berdoa kepada Allah SWT agar diampunkan dosa si mati, namun pada masa yang sama, kita menunaikan tanggungjawab melangsaikan atau mengqadakan puasa si mati.

SOALAN 151

Adakah seorang wanita yang haid boleh membaca ayat Kursi?

Jawapan

Boleh, dengan niat berzikir. Jangan berniat membaca al-Quran. Jika berniat membaca al-Quran, adalah terlarang. Sekiranya berniat untuk berzikir, menjadikannya sebagai zikir, maka itu diharuskan. Tidak menjadi masalah.

SOALAN 152

Adakah air mani dan haid itu najis?

Jawapan

Air mani tidak najis tetapi kotor. Adapun haid ialah najis mutawassitah. Cuma sebagai peringatan, air mani yang bercampur dengan air mazi contohnya, ketika berasmara, itu ialah najis kerana telah bercampur dengan air mazi. Yang dimaksudkan air mani yang tidak najis ialah yang keluar ketika bermimpi kerana tidak diselangi oleh air mazi. Namun begitu, seseorang yang berhubungan dengan isterinya, selalunya air mani itu bercampur dengan air mazi, maka air mani tersebut ialah najis.

SOALAN 153
Adakah sah azan orang yang mabuk?

Jawapan
Tidak sah seperti kata Imam al-Suyuti rhm., azan orang yang mabuk tidak sah kerana percakapannya dianggap sebagai lagha dan tidak dianggap sebagai orang yang berniat untuk melakukan ibadat.

SOALAN 154
Apabila seorang wanita mengambil atau meminum ubat atau pil untuk mempercepat haid, kemudian datang haid dengan segera, bukan pada tempoh yang sepatutnya, adakah dia perlu mendirikan solat?

Jawapan
Tidak perlu walaupun haid tersebut datang dengan cara yang dirancang, bukan dengan cara tabii. Dia tetap tidak wajib mengqadakan solatnya dan tidak wajib untuk menunaikan solat kerana telah datang haid. Tidak perlu melihat niatnya sama ada jahat atau seumpamanya. Disebabkan haid, maka dia tidak diwajibkan menunaikan solat. Cuma kalau niatnya tidak baik, maka boleh mendatangkan dosa.

SOALAN 155
Apakah hukum isteri menengking suami? Adakah harus kerana dia stres?

Jawapan
Tidak boleh menengking suami. Menengking orang lain pun tidak boleh, apatah lagi menengking suami. Cuma disunatkan suami memaafkan isterinya. Adapun yang dikatakan suami membiarkan

isteri menengking dirinya, itu ialah akhlak kepada suami, bukan akhlak kepada seorang wanita. Seorang wanita tidak boleh menengking suami. Itu ialah perbuatan yang haram kerana termasuk dalam adab yang tidak baik.

SOALAN 156

Adakah kita boleh menggunakan aplikasi kiblat untuk menunaikan solat?

Jawapan

Kita perlu lihat dahulu dari mana datangnya aplikasi tersebut. Adakah datang dari tempat yang muktabar? Maknanya, adakah mempunyai kelulusan atau terikat dengan mana-mana badan berautoriti seperti badan agama di Malaysia seperti JAKIM dan seumpamanya atau diiktiraf atau memang masyhur dalam kalangan umat Islam, digunakan dan dipercayai. Oleh itu, perlu lihat dahulu syarikat atau individu yang mengeluarkan aplikasi tersebut. Sekiranya memang digunakan oleh umat Islam dan tiada percanggahan atau syubhah, maka kita boleh mengguna pakai aplikasi tersebut.

SOALAN 157

Adakah kita wajib mengeluarkan zakat jika menyimpan duit di rumah, tidak menyimpan di bank?

Jawapan

Wajib mengeluarkan zakat walaupun disimpan di rumah apabila cukup nisab dan haul. Nisab lebih kurang RM20,500. Jika kita mempunyai RM22,000, walaupun simpan di rumah dan berisiko, kita perlu mengeluarkan zakat. Zakat tidak mengira sama ada menyimpan harta di rumah atau di bank, yang penting boleh

diambil dan dipegang, cukup nisab dan haul, kita wajib mengeluarkan zakat dan diserahkan kepada lembaga zakat atau pusat zakat negeri.

SOALAN 158

Adakah kita perlu menjirus air ke atas kubur setiap kali menziarahi kubur?

Jawapan

Tidak perlu. Yang perlu ialah kita memberi salam iaitu :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَلَاحِقُونَ

أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ

> *"Semoga keselamatan tercurahkan untukmu, wahai para penghuni kubur, dari (golongan) orang-orang beriman dan orang-orang Islam. Kami insyaaallah akan menyusul kamu semua. Kami memohon keselamatan kepada Allah untuk kami dan juga untuk kamu semua."*
>
> (Riwayat Muslim : 1620)

Kita juga boleh membaca al-Quran, sedekahkan, berselawat dan berdoa agar Allah SWT mengampunkan dosa serta mengangkat darjat si mati tersebut. Oleh itu, kita tidak perlu menyiram air setiap kali menziarahi kubur tetapi kalau mahu menyiram, tidak menjadi masalah.

SOALAN 159

Bolehkah saya bersedekah kepada orang lain dalam keadaan saya susah?

Jawapan

Pada hukum asal, tidak boleh. Kita perlu mengutamakan diri kita. Mulakan dengan diri kamu. Apatah lagi jika kita mempunyai keluarga, ada isteri dan anak-anak, maka diharamkan kita bersedekah kepada orang lain. Mungkin dalam keadaan tertentu, kita boleh bersabar dengan berpuasa. Duit itu kita sedekahkan kepada orang lain. Itu dikecualikan kepada mereka yang bersabar. Jika kita tidak bersabar atau seumpamanya, kita tidak dibenarkan untuk bersedekah kepada orang lain dalam keadaan kita memerlukan wang tersebut.

SOALAN 160

Kalau mandi wajib, perlukah kita melakukan tertib dan muwalah, iaitu tidak bertangguh? Adakah disyaratkan?

Jawapan

Tidak disyaratkan tertib. Maknanya, kita mula dari kepala, tangan kanan, tangan kiri, badan hingga ke bawah atau kita mula dari bawah atau seumpamanya. Maknanya, tertib tidak disyaratkan. Begitu juga muwalah. Tidak perlu dihabiskan ketika itu juga. Contohnya, waktu malam sejuk. Kita mandi bahagian kaki dulu. Pagi esok sambung kepala, pun boleh. Mandi wajib tidak disyaratkan muwalah dan tertib.

SOALAN 161
Adakah seorang Muslim boleh mendermakan darah kepada orang bukan Islam?

Jawapan
Boleh kerana menderma darah termasuk dalam bersedekah. Bersedekah boleh kita lakukan kepada orang Islam dan bukan Islam selagi mereka tidak memerangi agama kita. Oleh itu, kita boleh sedekahkan kepada orang bukan Islam dalam kalangan kita di Malaysia kerana mereka ialah warganegara Malaysia. Insya-Allah, akan diberikan pahala kepada kita.

SOALAN 162
Antara hutang dengan zakat bagi mayat, yang mana kita perlu dahulukan?

Jawapan
Khilaf dalam kalangan ulama. Saya cenderung kepada membayar zakat dahulu kerana itu hutang dengan Allah SWT. Hutang dengan Allah SWT wajib kita utamakan. Kemudian, kita boleh berunding dengan si pemiutang untuk membayar secara ansuran untuk kita selesaikan dua perkara wajib yang menimpa seseorang itu. Oleh itu, bayar zakat, kemudian berbincang dengan pemiutang tentang cara proses pembayarannya. Insya-Allah, kita dapat menyelesaikan dua perkara itu bagi si mati.

SOALAN 163
Bolehkah seorang suami memandikan jenazah isterinya?

Jawapan
Boleh, mengikut mazhab Syafiedan sabit dengan hadis Nabi SAW bersabda kepada Aisyah r.ha., "kalau kamu mati sebelum aku,

nescaya aku akan memandikanmu" dan sabit juga bahawa Sayidina Ali r.a. memandikan jenazah Sayidatina Fatimah r.ha. Mereka masih suami isteri secara hukum, maka tiada masalah suami memandikan jenazah isteri atau isteri memandikan jenazah suami.

SOALAN 164

Bolehkah seorang lelaki memakai perhiasan berlian? Adakah haram?

Jawapan

Tidak haram. Yang diharamkan kepada lelaki adalah apabila memakai perhiasan-perhiasan emas. Adapun berlian, zamrud dan seumpamanya boleh dipakai oleh lelaki. Halal, insya-Allah.

SOALAN 165

Saya solat berjemaah tetapi saya masbuk. Apabila saya masuk untuk solat berjemaah bersama-sama imam, saya takbiratul ihram serentak dengan rukuk tanpa berhenti dahulu dengan kalimah Allahu Akbar, kemudian rukuk. Adakah sah solat saya?

Jawapan

Tidak sah kerana kita tidak boleh melakukan takbiratul ihram terus kepada rukuk. Takbiratul ihram satu rukun manakala rukuk satu rukun. Sesiapa yang melaksanakan solat sedemikian, tidak sah dan batal solatnya, perlu mengulang semula.

SOALAN 166
Adakah berdosa seorang isteri mengikis duit suaminya?

Jawapan
Ya, sudah tentu berdosa kalau dia mengikis dalam bentuk yang memudaratkan keluarga serta mengambil duit suami tanpa izin dan membelanjakannya kepada perkara-perkara yang tidak baik. Adapun suami yang kedekut, dia mengambil secara senyap-senyap kadar untuk menampung nafkah keluarga, anak-anak dan dirinya, itu tidak mengapa. Tetapi mengikis yang membawa kepada kemudaratan, itu membawa kepada dosa. Wallahu a'lam.

SOALAN 167
Apakah perbezaan antara solat Qasar dengan solat Jamak?

Jawapan
Ada perbezaan. Solat Qasar ialah satu ringkasan solat empat rakaat (Zohor, Asar dan Isyak), hanya boleh dilakukan kepada orang yang bermusafir panjang, iaitu dua marhalah (80 km dan ke atas). Tidak boleh dilakukan atas faktor sakit dan seumpamanya. Adapun solat Jamak ialah gabungan solat iaitu Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak, dilakukan oleh orang yang bermusafir serta diharuskan untuk orang yang sakit teruk. Orang yang sakit teruk diharuskan melakukan solat Jamak tetapi tidak boleh melakukan solat Qasar. Kesimpulannya, solat Jamak lebih luas maknanya daripada solat Qasar.

SOALAN 168

Adakah kita digalakkan untuk membunuh cicak dan adakah kita akan mendapat pahala?

Jawapan

Ya, kita memang digalakkan untuk membunuh cicak kerana cicak itu kotor. Insya-Allah, mendapat pahala. Walaupun ada hadis menyebutkan cicak ialah seekor haiwan yang membantu golongan kuffar membakar Nabi Ibrahim a.s. tetapi bukan bermaksud cicak-cicak yang terdapat pada zaman itu. Maksud hadis itu ialah seekor haiwan yang kotor, perlu dijauhi dan boleh dibunuh. Insya-Allah, jika kita berniat membunuh untuk membuang kotoran, kita akan mendapat pahala.

SOALAN 169

Telefon bimbit saya terkena najis. Kalau saya basuh, rosaklah telefon saya. Apakah yang patut saya lakukan?

Jawapan

Saya berikan satu ringkasan. Jika mengikut mazhab Syafie kena basuh dan hal ini akan merosakkan telefon tersebut. Jadi, kita boleh bertaklid dengan mazhab yang lebih ringan. Dalam keadaan ini, kita basahkan tisu atau kain, lap sehingga hilang dan keringkan dengan kain atau tisu yang kedua. Ketika itu, insya-Allah telefon telah bersih kerana bertaklid dengan mazhab yang lebih ringan. Dalam perkara ini, tidak bercanggah dengan mazhab Syafie kerana jika mengikut mazhab Syafie, akan rosak telefon kita. Maka, ketika berhajat untuk sesuatu perkara, jika tidak melakukannya kita berdosa, kita bertaklidlah dengan mazhab yang lain.

SOALAN 170
Adakah bergurau berlebihan boleh mengundang dosa?

Jawapan
Ya, jika kita bergurau berlebihan, mengutuk dan juga menjadikan gurauan itu sebagai cara merendah-rendahkan orang, boleh membawa kepada dosa. Gurauan hanya sekadar untuk menghiburkan kita seperti garam dalam makanan. Kita bercakap perkara yang benar atau perkara-perkara yang tidak menjatuhkan maruah seseorang. Apabila berlebihan, mengutuk dan seumpamanya seperti memperlekehkan seseorang hingga dia berkecil hati, maka perbuatan melawak itu boleh membawa kepada dosa. Wallahu a'lam.

SOALAN 171
Adakah menangis membatalkan puasa?

Jawapan
Tidak, menangis tidak membatalkan puasa. Yang akan membatalkan puasa jika kita menelan air mata itu. Ketika mengalir, kita menelan air mata dengan sengaja, kemudian kita tersedar, "oh, masin air mata ini!" Itu yang membatalkan puasa tetapi kalau sekadar menangis, tidak membatalkan puasa.

SOALAN 172
Apakah hukum seorang anak perempuan menyembunyikan gaji daripada ibunya?

Jawapan
Hukumnya, tiada masalah. Itu ialah privasi. Itu merupakan hak peribadi. Yang penting, jangan lupa untuk memberikan nafkah kepada ibunya. Dapat duit gaji, berikan kepada ibu yang sesuai

mengikut pendapatan kita dan sesuai dengan keadaan ibu kita. Jika tidak memberitahu nilai gaji, tiada masalah. Sekiranya menyebut secara rambang pun, tidak mengapa supaya ibu tidak berkecil hati. Yang penting, nafkah makan minumnya terjaga. Gembirakan dia.

SOALAN 173

Apakah hukum membela kucing tetapi tidak memberikan makanan dan tempat tinggal kepadanya?

Jawapan

Haram kerana menzalimi kucing tersebut. Apabila membela kucing, kita wajib memberi makan dan minum kepadanya kerana kucing itu berada bawah tanggungjawab kita. Hal ini yang dibahaskan oleh ulama di dalam bab memberi nafkah kepada binatang ternakan. Nafkah yang wajib kita berikan kepada haiwan-haiwan peliharaan. Apabila membela kucing, kita memudaratkannya, lebih baik kita lepaskan. Jika tidak, kita mengundang kepada dosa yang besar.

SOALAN 174

Bolehkah kita berakikah untuk anak lelaki secara selang-selang? Bulan ini kita lakukan seekor kambing, bulan depan kita lakukan seekor lagi.

Jawapan

Boleh, tiada masalah. Disunatkan dua ekor kambing untuk anak lelaki, namun tidak disyaratkan melakukan dua ekor secara serentak. Kita boleh melakukannya bulan ini, tahun ini, kemudian bulan hadapan atau tahun hadapan, apabila ada duit, kita lakukan lagi. Tempoh akikah ialah sebelum dia baligh. Oleh itu, hal ini

memberikan keringanan kepada ibu bapa untuk melaksanakan akikah anak-anak mereka.

SOALAN 175
Adakah batal solat jika hidung kita berhingus atau mempunyai tahi hidung?

Jawapan
Tidak batal. Hingus dan tahi hidung ialah benda kotor tetapi bukan najis. Hingus dan tahi hidung menunjukkan kekotoran tetapi bukan sesuatu yang najis. Oleh itu, solat itu sah. Namun begitu, ambillah tisu untuk kita lap dan bersihkan.

SOALAN 176
Adakah wanita boleh membotakkan rambutnya?

Jawapan
Wanita tidak boleh membotakkan rambut kerana akan menyerupai sifat lelaki. Oleh itu, wanita tidak boleh membotakkan rambut tanpa keuzuran seperti sakit, kanser dan seumpamanya. Wanita perlu menyimpan rambutnya, jangan pendek seperti lelaki, panjang sedikit dan tidak boleh botak.

SOALAN 177
Bolehkah seorang ayah membayar zakat kepada anak yang ditanggungnya?

Jawapan
Seorang ayah tidak boleh membayar zakat kepada anak yang ditanggungnya kerana dia diwajibkan memberikan nafkah kepada anak yang ditanggungnya. Oleh itu, jika berikan juga, akan

berlaku conflict of interest, maka tidak sah. Dia perlu menghulurkan kepada fuqara' yang lain.

SOALAN 178
Apakah yang dimaksudkan rezeki anak?

Jawapan
Yang dimaksudkan rezeki anak ialah setiap kelahiran anak telah ditetapkan rezeki oleh Allah SWT yang menjadikan kita tidak berasa bimbang. Cuma kita perlu bekerja untuk menggali rezeki yang telah disediakan oleh Allah SWT sejak azali kepada mereka. Persediaan tersebut perlu diikat dengan bekerja. Oleh itu, keyakinan kita tinggi bahawa setiap anak yang dilahirkan itu ada rezekinya. Namun begitu, kita perlu bekerja. Itulah maksudnya.

SOALAN 179
Bolehkah seorang wanita mencukur misainya jika tumbuh?

Jawapan
Hukumnya adalah harus bagi wanita mencukur misainya, bahkan dituntut agar tidak menyerupai lelaki. Ramai kita tengok wanita yang mempunyai sedikit misai. Eloklah digunting dan dinipiskan supaya nampak seperti wanita.

SOALAN 180
Bolehkah kita cemburu?

Jawapan
Boleh jika cemburu itu diuruskan untuk tujuan yang positif tanpa menjatuhkan seseorang. Kita cemburu untuk menjadi orang yang pandai atau mempunyai wang yang banyak untuk kita bersedekah, untuk berqiamullail. Itu dipanggil ***al-hibtoh***, cemburu

yang positif. Adapun cemburu yang hendak menjatuhkan orang, itu diharamkan oleh syarak.

SOALAN 181

Adakah sah solat seseorang dengan menyebut takbir Allahuakbaru tanpa menjazamkannya seperti Allahu Akbar?

Jawapan

Hukumnya sah kerana tidak mengubah makna tetapi yang terbaik ialah Allahu Akbar. Diriwayatkan dalam hadis yang daif, begitu bacaannya. Kita waqafkan, jazamnya, itu yang terbaik.

SOALAN 182

Bolehkah wanita yang haid menziarahi kubur?

Jawapan

Boleh, tiada masalah selama mana dia beriltizam dengan pakaian yang menutup aurat, tidak menangis teresak-esak, tidak meratap-ratap. Kalau tangisan yang mengeluarkan air mata, tiada masalah. Pergi berzikir atau memperingati akhirat, dapat mengingatkannya dengan alam barzakh atau seumpamanya, maka diharuskan kerana memberikan kebaikan. Namun begitu, jika melanggar adab-adab menziarahi kubur seperti pemakaian yang tidak menutup aurat, maka itu terlarang dan mendapat dosa.

SOALAN 183

Apakah hukum wanita memakai gincu?

Jawapan

Sekiranya memakai dalam keadaan sederhana, tidak begitu menonjol, kadarnya untuk dilihat ceria dan tidak pucat, hukumnya

harus. Kalau berlebihan sampai memukau lelaki, itu yang jatuh kepada haram.

SOALAN 184
Adakah wanita wajib memakai purdah?

Jawapan
Tidak wajib. Hanyalah harus atau sebagai sunah sahaja kerana memakai purdah merupakan perkara fadilat, bukanlah melibatkan rukun agama, syarat agama atau syiar agama. Perbuatan ini merupakan satu sifat yang mungkin wanita itu malu. Bagi wanita yang malu atau takut diganggu oleh lelaki, bagus untuk memakai purdah tetapi tidaklah wajib mengikut syariat kita.

SOALAN 185
Apakah hukum seorang lelaki mencukur janggutnya? Saya pernah dengar, ada ulama mengatakan haram mencukurnya.

Jawapan
Benar. Ada ulama yang mengharamkannya seperti Mazhab Hanafi, Hambali dan Maliki. Namun begitu, pendapat yang terkuat ialah Mazhab Syafie yang mengatakan makruh mencukur janggut kerana bukan satu perkara dharuriyyat dalam syariah. Hanya tahsinat sahaja. Oleh itu, jawapan yang terkuat ialah hukumnya makruh. Tidak wajib menyimpan janggut. Apabila kita mencukurnya, hukumnya makruh.

SOALAN 186
Apakah hukum kita berzikir menggunakan tasbih?

Jawapan
Hukumnya adalah harus, bahkan tidak mengapa. Imam al-Suyuti mengarang satu pandangan atau fatwa yang mengharuskan berzikir menggunakan tasbih. Walaupun ada ulama yang mengatakan lebih afdal menggunakan jari tetapi tidaklah menghalang kita daripada menggunakan tasbih untuk berzikir.

SOALAN 187
Adakah berkahwin itu wajib bagi remaja?

Jawapan
Mengikut keadaan. Jika dia mempunyai kemampuan kewangan dan seumpamanya, maka bagi saya lebih dekat kepada wajib sekiranya tidak mampu untuk mengawal dirinya daripada melakukan maksiat. Tambahan pula, pada zaman sekarang, maksiat bertebaran. Oleh itu, eloklah bagi pemuda untuk berkahwin jika dia mampu. Kita tidak mewajibkan tetapi jika gagal untuk mengawal nafsu, maka perkahwinan menjadi wajib.

SOALAN 188
Benarkah jika seseorang itu memakai rambut palsu seolah-olah dia telah menutup auratnya seperti memakai tudung?

Jawapan
Tidak benar. Itu merupakan pemalsuan terhadap syariah kerana Rasulullah SAW melaknat golongan yang memakai rambut palsu. Oleh itu, jika kita memakai rambut palsu, tidak menutup aurat, bahkan menambahkan dosa.

SOALAN 189
Adakah wanita boleh memakai gincu merah?

Jawapan
Boleh dengan syarat kesederhanaan. Jangan terlalu tebal yang menggiurkan lelaki. Oleh itu, pakai dalam bentuk sederhana supaya muka tidak nampak pucat. Sekiranya hendak pakai gincu dengan tebal, pakailah di hadapan suami untuk menggiurkan suami sahaja.

SOALAN 190
Bagaimanakah menyebut perkataan amin? Adakah amin disebut 'amin' atau ada sebutan yang lain?

Jawapan
Betul. Dengan menyebut amin sahaja sudah cukup kerana amin ini boleh dibaca dengan banyak qiraat. "Aamin" atau "amin" atau "aaammin". Oleh itu, amin itu cukup untuk lulus dan faham maknanya, iaitu ya Allah ya Tuhanku, perkenankanlah doa kami. Itu maknanya.

SOALAN 191
Kita disuruh untuk bersyukur bagi menambahkan nikmat. Namun begitu, adakalanya kita ditimpa bala. Bagaimanakah mahu melatih diri untuk bersyukur dalam keadaan kita diuji?

Jawapan
Dengan melihat orang yang berada di bawah kita. Mesti ada orang yang berada di bawah kita kekurangan dari segi kesihatan, rezeki atau pangkat. Rasulullah SAW menyuruh kita melihat orang yang berada di bawah kita untuk menambahkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT. Jangan melihat nikmat orang yang berada di

atas kerana kita akan cemburu tetapi lihatlah orang yang kurang daripada kita, kita akan bersyukur kepada Allah SWT.

SOALAN 192

Apabila jiran kita melakukan dosa besar, bolehkah bala turun ke seluruh kawasan kita?

Jawapan

Melihat kepada keadaan. Dosa besar itu yang bagaimana? Jika dia menyembunyikan dosa besar itu tanpa pengetahuan sesiapa dan dia memohon keampunan daripada Allah SWT, mudah-mudahan kawasan tersebut tidak ditimpa bala. Namun begitu, mungkin maksiat tersebut bertebaran sehingga menjadi satu gejala. Bala akan turun kepada semua orang termasuklah orang-orang soleh kerana mereka tidak mencegah kemungkaran. Oleh itu, jika maksiat yang kita tidak ketahui berlaku, insya-Allah kita dimaafkan tetapi jika terang-terangan, kita wajib mencegahnya. Bimbang akan ditimpa bala.

SOALAN 193

Apakah hukum seseorang itu memakai tangan palsu, kemudian dia menyentuh wanita? Adakah batal wuduknya?

Jawapan

Tidak batal wuduk kerana tangan palsu bukan daripada anggota badan. Cuma jika bersyahwat, tetap berdosa. Sekiranya keluar air mazi, batal wuduk tetapi sekadar tersentuh atau menyentuh wanita dengan tangan palsu, tidak membatalkan wuduk.

SOALAN 194

Apakah hukum seorang lelaki mengganggu wanita yang telah menjadi tunangan orang lain?

Jawapan

Hukumnya, terlarang. Seorang lelaki tidak boleh mengganggu tunang lelaki lain kerana mereka telah berjanji untuk membina perkahwinan. Mereka mempunyai satu perjanjian yang menyebabkan kita tidak boleh mengganggu atau meminang tunang orang lain. Sekiranya lelaki tersebut mengizinkan kita untuk meminang bagi menguji tunangnya, itu tidak mengapa. Namun begitu, jika tidak mendapat keizinan tetapi kita mengganggu atau meminang tunang orang lain, itu terlarang dan haram.

SOALAN 195

Bolehkah seorang isteri yang kaya memberi sebahagian zakat kepada suaminya?

Jawapan

Mengikut Mazhab Syafie, seorang isteri yang kaya boleh memberi sebahagian zakatnya kepada suami yang miskin kerana dia termasuk dalam golongan yang tidak ditanggung oleh isterinya. Cuma jangan berikan semua kerana tidak elok. Berikan sebahagian sahaja kepada suami yang miskin, yang cukup untuk dia makan dan keperluannya. Namun begitu, kalau berikan selalu, tidak elok.

SOALAN 196

Adakah seorang wanita boleh menyembelih seekor haiwan untuk ibadah korban atau apa-apa jenis sembelihan?

Jawapan

Dalam mazhab Syafie, harus bagi wanita yang berkemampuan untuk melaksanakan penyembelihan. Tidak ada halangan dan pengharaman dari sudut syarak kerana wanita ialah sebahagian daripada mukalaf, cuma tidak disunatkan. Apabila cukup syarat sembelihan, maka sembelihan itu menjadi halal.

SOALAN 197

Adakah mayat terseksa dengan kehadiran wanita yang seksi atau tidak menutup aurat?

Jawapan

Tiada orang yang menanggung dosa orang lain. Oleh itu, mayat tersebut tidak akan diazab oleh sebab dosa orang lain.

SOALAN 198

Apakah hukum membuka pintu bilik air?

Jawapan

Hukumnya tidak baik. Boleh dikatakan makruh kerana bau-bau busuk keluar dari bilik air. Oleh itu, kita disunatkan untuk menutup pintu bilik air. Bukanlah perkara haram tetapi berkenaan dengan bau busuk dan seumpamanya. Eloklah kita menutupnya. Insya-Allah, jika kita berniat untuk melindungi rumah daripada busuk, kita akan mendapat pahala.

SOALAN 199

Adakah suara wanita aurat?

Jawapan

Mengikut majoriti ulama, suara wanita bukan aurat. Cuma akan menjadi dosa atau aurat apabila dia memanjakan suaranya. Dia menjadikan suaranya menggoda. Jika dia bercakap seperti biasa, tidak mempunyai bunyi-bunyian yang menggoda, hukumnya tidak mengapa kerana suara itu ciptaan Allah SWT. Mana mungkin menjadi haram.

SOALAN 200

Bolehkah seorang wanita menjadi mufti atau pakar rujuk syariah? Adakah hanya dikhususkan kepada lelaki?

Jawapan

Wanita boleh menjadi mufti atau pakar rujuk syariah secara ijmak ulama. Seperti yang berlaku pada zaman dahulu, Sayidatina Aisyah r.ha. menjadi pakar rujuk syariah dan mufti pada zaman baginda. Cuma yang menjadi khilaf dalam kalangan ulama adalah untuk menjadi kadi dan pemimpin negara. Itu yang menjadi khilaf tetapi saya tidak bincangkan di sini.

BAHAGIAN TIGA

SOALAN 201
Apakah hukum permainan Forex yang terkenal sekarang ini?

Jawapan
Haram dan terlarang. Majlis-majlis fatwa di luar dan dalam negara telah memfatwakan permainan Forex yang sedang berlaku sekarang ini adalah haram kerana lebih dekat dengan perjudian dan tiada penyerahan secara hakiki atau hukmi. Oleh itu, elakkanlah daripada permainan Forex yang berlaku sekarang ini kerana terlarang dan dilarang oleh para ulama kita.

SOALAN 202
Apakah yang dimaksudkan sebagai bangkai?

Jawapan
Bangkai ialah haiwan mati yang tidak disembelih seperti lembu, kalau kita sembelih, kita boleh memakannya. Tetapi kalau mati dilanggar kereta, tidak disembelih, maka itu dinamakan bangkai. Itu diharamkan oleh al-Quran.

SOALAN 203
Bilakah bermulanya waktu bersahur?

Jawapan
Bermulanya waktu bersahur selepas tengah malam. Kalau di Malaysia, lebih kurang selepas pukul 1 pagi. Kalau sebelum, belum lagi dikira waktu bersahur dan tidak mendapat pahala sahur. Itu dikira makan lewat malam. Misalnya, kita makan pada pukul 11 malam, tidak dikira bersahur. Pukul 1 pagi dan ke atas, itulah bermulanya waktu bersahur.

SOALAN 204

Adakah seseorang yang berpuasa sunat boleh membuka puasanya?

Jawapan

Boleh, cuma makruh sahaja. Jadi, orang yang berpuasa sunat, boleh membatalkan puasa atau meneruskan puasanya. Namun begitu, yang terbaik ialah dia menyempurnakannya.

SOALAN 205

Benarkah tidak sah solat terawih lapan rakaat?

Jawapan

Terdapat khilaf. Dalam Mazhab Syafie, Maliki, Hambali dan Hanafi, mereka berpendapat bahawa solat terawih ialah 20 rakaat. Cuma terdapat qaul daripada Mazhab Hanafi seperti pendapat Kamal ibnu Humam dan juga sebahagian daripada Mazhab Maliki serta pandangan sebahagian ulama yang lain mengatakan boleh melakukan solat terawih lapan rakaat. Oleh itu, sesiapa yang mampu melaksanakan lapan rakaat, buatlah lapan rakaat. Namun begitu, yang terbaik ialah 20 rakaat mengikut pandangan empat mazhab.

SOALAN 206

Sahkah niat puasa jika saya berniat pada waktu siang? Ketika itu, saya sedang berpuasa Ramadan tetapi saya berniat siap-siap pada waktu Asar. Sahkah niat tersebut untuk puasa keesokan hari?

Jawapan

Tidak sah kerana waktu niat bermula selepas Maghrib. Maknanya, selepas selesai berbuka puasa atau setelah azan Maghrib, baru boleh berniat puasa untuk hari esok. Kalau sebelum Maghrib, niat puasa kita untuk hari esok tidak sah.

SOALAN 207

Kalau dalam keadaan darurat, seseorang itu menjumpai bangkai khinzir dan bangkai kambing, yang mana dia perlu utamakan?

Jawapan

Dia perlu mengutamakan bangkai kambing. Dalam keadaan asal, kambing kalau disembelih, hukumnya halal. Khinzir walaupun disembelih, tidak halal. Maka, kalau bertemu dalam keadaan darurat antara bangkai kambing dengan bangkai khinzir, wajib dimakan bangkai kambing dahulu.

SOALAN 208

Bolehkah seseorang itu menggabungkan niat puasa fardu Ramadan dengan nazarnya?

Jawapan

Tidak boleh kerana kedua-dua puasa itu ialah kewajipan yang berasingan. Oleh itu, kalau kita berniat macam itu, tidak sah puasa kita. Perlu niat fardu Ramadan sahaja. Tidak boleh

menggabungkan antara puasa fardu Ramadan dengan puasa nazar.

SOALAN 209

Sahkah puasa jika terlupa berniat untuk hari esok?

Jawapan

Tidak sah mengikut mazhab Syafie. Sesiapa yang terlupa berniat puasanya pada waktu malam, puasanya esok hari tidak sah mengikut mazhab Syafie kerana Imam Syafie menganggap setiap hari sama seperti setiap kali mendirikan solat. Setiap kali mendirikan solat perlu berniat, sama seperti setiap kali berpuasa perlu berniat, melainkan jika berniat berpuasa sebulan pada malam pertama Ramadan mengikut mazhab Maliki. Jika seseorang itu berniat begitu, insya-Allah jika terlupa berniat, puasanya tidak batal. Namun begitu, jika tidak berniat berpuasa sebulan pada bulan Ramadan, maka batallah puasanya.

SOALAN 210

Apakah hukum memakan katak yang dipanggang?

Jawapan

Hukumnya adalah haram kerana katak ialah haiwan yang berbisa dan kotor. Oleh itu, seseorang Islam tidak boleh memakan katak walaupun dipanggang.

SOALAN 211

Betulkah orang kata kalau mengumpat orang akan membatalkan puasa?

Jawapan

Tidak membatalkan puasa, cuma membatalkan pahala, mengurangkan pahala dan mengurangkan keberkatan puasa kita. Oleh itu, mengumpat tidak membatalkan puasa. Adapun yang disebut dalam hadis, mengumpat atau mengadu domba itu membatalkan puasa, hadis itu tidak kuat. Maka, tidak boleh dijadikan sandaran.

SOALAN 212

Apakah hukum kita membuat pinjaman daripada Ah Long?

Jawapan

Haram kerana itu ialah pinjaman beriba. Riba hutang dipanggil riba qardi yang diharamkan. Sejak zaman jahiliah telah berlaku perkara tersebut dan diharamkan oleh Rasulullah SAW. Oleh itu, umat Islam perlu mengelakkan daripada meminjam daripada Ah Long kerana mendatangkan kemudaratan kepada kita dan keluarga serta merupakan dosa yang besar kerana terlibat dalam riba hutang.

SOALAN 213
Ustaz ada memberitahu, seseorang yang berpuasa sunat boleh berbuka puasanya. Bagaimanakah pula orang yang berpuasa qada mahu membuka puasanya? Apakah hukumnya?

Jawapan
Haram bagi mereka yang melaksanakan puasa qada membuka puasanya kerana puasa itu telah menjadi wajib baginya. Jika hendak berbuka, mestilah mempunyai sebab-sebab yang diharuskan mengikut syarak. Jika tiada sebab, pembukaan puasa tersebut haram seperti berbuka pada bulan Ramadan. Bezakan antara berbuka bagi puasa sunat dengan berbuka bagi puasa wajib.

SOALAN 214
Bolehkah kita mendoakan keburukan kepada orang lain?

Jawapan
Tidak boleh. Kita sebagai orang Islam mesti mengelakkan daripada berdoa untuk seseorang dengan doa-doa yang tidak baik. Itulah sebab kadang-kadang doa tidak dimustajabkan kerana sebagai Muslim, kita sepatutnya mendoakan kebaikan kepada orang lain walaupun dia orang yang kita tidak sukai. Kita mendoakan kebaikan, mudah-mudahan Allah SWT memberikan kebaikan berganda kepada kita.

SOALAN 215

Bolehkah seseorang isteri berpuasa sunat tanpa keizinan suaminya dalam keadaan suaminya ada di rumah?

Jawapan

Hukumnya adalah haram berpuasa sunat jika suaminya tidak mengizinkan. Jika suaminya mengizinkan, tidak mengapa dan digalakkan untuk suami memberi keizinan. Kenapa memerlukan keizinan? Kerana dibimbangi suaminya memerlukannya pada waktu siang, lalu mengganggu kewajipan seorang isteri kepada suaminya. Oleh itu, mintalah izin terlebih dahulu.

SOALAN 216

Adakah seseorang itu boleh berdoa untuk menjadi kaya?

Jawapan

Boleh kerana kekayaan ialah satu perkara yang dituntut supaya kita dapat membayar zakat dan menolong orang. Kaya yang bersyukur. Adapun kaya yang melupakan Allah SWT atau kewajipan, itu tidak boleh. Oleh itu, kita boleh mendoakan kekayaan yang boleh menjadikan kita hamba yang bersyukur dan menunaikan kewajipan membantu orang lain.

SOALAN 217

Kalau seseorang itu meninggal dunia dan ada puasa yang ditinggalkan, apa yang perlu dilakukan oleh ahli keluarganya?

Jawapan

Kalau masih ada baki daripada puasa yang belum ditunaikan dalam keadaan mampu, dia meninggalkannya, maka ahli keluarga ada dua pilihan sama ada membayar fidyah pada setiap hari yang ditinggalkan kepada orang miskin atau berpuasa untuk

menggantikannya. Maknanya, bagi makan atau nilai kepada orang miskin atau berpuasa bagi si mati tersebut. Jadi, ahli keluarga boleh melakukan salah satu antara dua pilihan. Mahu membayar kepada orang miskin sama ada wang atau makanan, sehari seorang fakir miskin. Mahu menggabungkannya pun boleh. Misalnya, ada 60 hari puasa yang ditinggalkan. Dia mahu memberikan RM10. Oleh itu, dia boleh memberikan RM600 kepada seorang fakir miskin.

SOALAN 218

Adakah batal puasa kalau kita marah?

Jawapan

Tidak membatalkan puasa kerana tidak termasuk dalam perkara-perkara asas yang penting walaupun marah itu tidak elok. Cuma dalam ibadat puasa, ada pengiraan yang lain. Kalau marah, akan mengurangkan pahala. Oleh itu, kita awas dan kita kawal, jangan sampai marah hingga memaki orang. Kalau marah, kita tahan, bersabar dan sebut "aku berpuasa".

SOALAN 219

Apakah hukum seseorang yang tidak menjawab azan?

Jawapan

Makruh. Tidak sepatutnya apabila azan dikumandangkan, kita mendengar jelas dengan telinga tetapi tidak menjawabnya. Secara fiqh al-Awliyyat, kita perlu meninggalkan bacaan al-Quran atau bersembang dengan orang untuk menjawab azan yang dikumandangkan dahulu. Itulah akhlak dan adabnya.

SOALAN 220

Apakah hukum seseorang itu menelan air liur orang lain dengan sengaja yang terpercik, lalu masuk ke dalam mulutnya? Adakah batal puasanya?

Jawapan

Menelan air liur orang lain, hukumnya membatalkan puasa.

SOALAN 221

Adakah salah jika kita tidak memohon maaf ketika Hari Raya Aidilfitri?

Jawapan

Tidak salah kalau kita merasakan bahawa kita tidak melakukan kejahatan kepada seseorang. Cuma digalakkan kerana pada hari itu merupakan hari perhimpunan dan seumpamanya. Kita boleh juga memohon maaf pada hari yang lain. Namun begitu, jika ada kesalahan, kita afdal memohon maaf kerana pada hari tersebut mudah untuk memohon kemaafan daripada orang lain. Itu yang terbaik.

SOALAN 222

Sahkah azan seorang kanak-kanak yang mumaiyiz? Maknanya, dia telah hampir matang, berumur tujuh tahun ke atas, memahami apa yang diazankan dan memahami taharah. Apakah hukumnya?

Jawapan

Kata ulama, hukumnya adalah sah. Tidak mengapa dan sah azan seseorang kanak-kanak yang mumaiyiz, cuma kurang afdal. Kalau di masjid, perlu mengutamakan orang yang baligh. Kalau

kanak-kanak yang mengazankan, sah sama ada azan di rumah atau di mana-mana, cuma kurang afdal.

SOALAN 223

Bolehkah seseorang lelaki itu menunaikan solat dengan menutup aurat tetapi pakaiannya ketat? Adakah sah?

Jawapan

Hukumnya sah kerana dia telah menutup semua aurat yang diwajibkan, cuma makruh, bimbang nampak bentuk-bentuk yang menggelikan. Kalau seseorang itu menunaikan solat di rumah atau seorang diri, lalu memakai pakaian yang ketat, hukumnya sahih. Tetapi di luar solat, ada wanita, pakaiannya yang ketat sehingga menunjukkan bentuk aurat, itu terlarang. Solatnya adalah sahih tetapi makruh

SOALAN 224

Bolehkah sesiapa yang melaksanakan puasa sunat membatalkan puasa sunatnya?

Jawapan

Hukumnya adalah harus tetapi makruh. Tidak haram membatalkan puasa sunat, cuma eloklah jika dia tidak membatalkannya melainkan ada keperluan.

SOALAN 225

Apakah hukum mencampurkan makanan darat dan laut?

Jawapan

Hukumnya adalah harus. Cuma dari sudut kesihatan, saya tidak pasti. Kalau ada apa-apa berkaitan dengan kesihatan, sila rujuk

kepada pakar pemakanan. Itu lebih baik. Tetapi dari segi halal dan haram, kalau sembelihan berlaku pada makanan darat manakala makanan laut kita tahu ia adalah halal selagi tidak memudaratkan, harus, tidak mengapa.

SOALAN 226

Sahkah puasa seseorang yang masih berjunub, dia lupa atau menangguhkan mandi wajib?

Jawapan

Hukumnya, sah. Tidak mengapa berpuasa dalam keadaan berjunub tetapi makruh. Cuma masalah timbul adalah untuk bersolat, dia wajib mandi wajib. Kalau tidak mandi wajib, dia berdosa. Maka, selepas berjunub, berehat sekejap, kemudian mandi wajib untuk kita menyegerakan arahan Allah SWT.

SOALAN 227

Adakah seseorang itu wajib meletakkan kalimah-kalimah suci di dalam rumah?

Jawapan

Tidak wajib meletakkan apa-apa kalimah suci atau ayat al-Quran di dalam rumah. Tetapi jika letak, itu perkara yang baik. Yang penting, kita membaca al-Quran dan berdoa, itu yang dituntut. Janganlah pula tidak meletakkan ayat suci tetapi meletakkan gambar-gambar maksiat, itu tidak patut. Jika kita meletakkan gambar-gambar keluarga, letakkanlah juga ayat-ayat suci supaya ada keberkatan dan seumpamanya. Cuma yang lebih baik daripada meletakkan ayat suci ialah kita membaca al-Quran. Itu sebenarnya yang dituntut. Bacalah al-Quran seperti Surah al-Baqarah supaya dijauhkan daripada syaitan.

SOALAN 228

Bolehkah saya berpuasa pada Hari Raya Aidilfitri kerana saya kurang berselera untuk makan?

Jawapan

Tidak boleh dan haram berserta dengan batalnya puasa. Ulama menyatakan puasa pada Hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha haram dan tidak sah. Oleh itu, perlu berbuka.

SOALAN 229

Apakah hukum jika kita tamak?

Jawapan

Sekiranya kita tamak dalam urusan dunia, itu adalah terlarang. Apatah lagi tamak yang memudaratkan orang lain. Adapun kita tamak melakukan kebaikan dalam ibadat untuk menyelamatkan kita daripada api neraka Allah SWT, itu adalah tamak yang terpuji. Maknanya, kita tamak dalam melakukan kebaikan untuk mendapatkan pahala yang lebih daripada Allah SWT, itu tidak mengapa.

SOALAN 230

Apakah hukum seseorang lelaki memakai gelang emas?

Jawapan

Hukumnya adalah haram. Ijmak ulama mengatakan orang lelaki tidak boleh memakai perhiasan emas termasuklah gelang emas. Bagi sesiapa yang memakainya, hendaklah dia memberikannya kepada isterinya atau orang yang boleh memakainya dan dia perlu bertaubat nasuha.

SOALAN 231

Apakah hukum seseorang itu bermimpi bersetubuh atau mimpi keluar air mani tetapi apabila dia bangun, tidak keluar pun air mani? Adakah dia perlu mandi wajib?

Jawapan

Tidak perlu mandi wajib kerana pengiraan syarak pada keluar air mani, bukan mimpi keluar air mani.

SOALAN 232

Adakah puasa seseorang itu batal jika dia bersetubuh dengan isterinya tetapi tidak keluar air mani?

Jawapan

Batal puasanya kerana persetubuhan ialah salah satu daripada perkara yang membatalkan puasa walaupun tidak keluar air mani. Selain itu, dia dikenakan kafarah.

SOALAN 233

Apakah hukum merungut dalam melakukan kebaikan?

Jawapan

Hukumnya boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri kita dengan menghilangkan pahala. Apabila merungut, kita seolah-olah tidak melakukan perkara itu dalam keadaan yang ikhlas. Oleh itu, kita perlu cuba bersabar dan tidak merungut kerana dibimbangi akan terbatal pahala. Sekiranya merungut, kita perlu banyakkan istighfar kepada Allah SWT agar diampunkan dosa.

SOALAN 234
Bolehkah saya berdoa selepas menunaikan solat?

Jawapan
Sangat boleh dan sangat bagus untuk kita berdoa kerana itu tanda adab kita dengan Allah SWT. Allah SWT berfirman

فإذا فرغت فانصب

Dan apabila kamu selesai menunaikan ibadat seperti solat, berdoalah kepada Allah SWT. Insya-Allah, mudah-mudahan Allah SWT menerima doa selepas kita menunaikan solat.

SOALAN 235
Apakah hukum seseorang itu makan dengan tangan kiri?

Jawapan
Hukumnya adalah makruh, tidak baik kerana gaya itu ialah gaya syaitan makan. Syaitan makan dengan tangan kiri. Oleh itu, kita perlu mengelakkan daripada makan dengan tangan kiri melainkan dalam keadaan yang terpaksa. Misalnya, tangan kanan kita kotor. Kita mahu minum dengan gelas. Kita mengambil dengan tangan kiri yang bersih. Dalam keadaan sebegitu, tidak mengapa tetapi ada juga ulama yang mencadangkan, kita meletakkan tangan kanan di bawah tangan kiri untuk kita minum bagi menampakkan adab dan akhlak.

SOALAN 236

Sahkah puasa seseorang yang bermusafir tetapi masih mengekalkan puasanya?

Jawapan

Pandangan majoriti ulama terutamanya Mazhab Syafie menganggap bahawa puasa tersebut sah. Musafir tidaklah membatalkan puasa, cuma diharuskan kita berbuka puasa.

SOALAN 237

Apakah hukum seseorang itu tidak memberi kasih sayang yang secukupnya kepada anaknya?

Jawapan

Sekiranya kasih sayang itu tidak mendatangkan keadilan dari segi nafkah dan juga bahagian hak kepada anak-anak yang lain, boleh menjadi dosa. Tetapi kalau kurang kasih sayang dari bentuk keadilan diberikan hak, makan dan minum, tempat tinggal, pada zahirnya diberikan atau ditunjukkan perasaan itu tidak sepenuhnya, itu tidak mengapa.

SOALAN 238

Adakah beronani pada bulan puasa mewajibkan kafarah sama seperti bersetubuh?

Jawapan

Tidak mewajibkan kafarah, cuma dia berdosa besar kerana membuka puasa, apatah lagi melakukan benda yang haram. Seseorang yang melakukan onani pada siang hari semasa bulan puasa, hukumnya haram dan membatalkan puasanya, cuma tidak dikenakan kafarah seperti orang yang bersetubuh.

SOALAN 239

Saya bangun sahur untuk berpuasa tetapi saya tidak berniat puasa seperti biasa. Adakah puasa saya sah?

Jawapan

Sah kerana ulama mengatakan makan sahur dan berazam atau menggambarkan diri untuk berpuasa, hukumnya sama seperti niat. Apabila kita bangun sahur, sudah tentu kita mahu berpuasa.

SOALAN 240

Bolehkah kita bersumpah untuk membuktikan sesuatu perkara yang betul?

Jawapan

Harus, cuma bersumpah tidak digalakkan. Kalau kita betul, kita katakanlah betul melainkan di mahkamah. Apabila kita diminta oleh hakim untuk bersumpah, maka kita boleh bersumpah. Di luar mahkamah, adalah harus dan tidak digalakkan.

SOALAN 241

Apabila kita berjual beli, tidak wujud lafaz ijab dan qabul atau salah seorang sahaja yang menyebut, "saya jual" manakala seorang lagi tidak menyebut, "saya beli." Maknanya, dia diam sahaja. Dia memberi duit dan pergi. Apakah hukumnya?

Jawapan

Sah mengikut sebahagian ulama atau majoriti ulama. Dalam Mazhab Syafie, terdapat qaul yang mengharuskan penjualan tersebut yang dinamakan sebagai bai' al-Ma'atha, di mana ada reda di sana. Barang dan duit diberi walaupun tiada lafaz pada pertengahan tersebut tetapi kerana keperluan dan hajat, tidak berlaku pada barang-barang yang mahal, benda-benda yang

ringkas, benda-benda yang dianggap ramai orang beli tanpa lafaz, maka dianggap sebagai sah dan halal, insya-Allah.

SOALAN 242

Saya seorang pesakit kencing manis. Tiap-tiap hari saya menyuntik insulin dalam tubuh saya. Adakah membatalkan puasa?

Jawapan

Tidak membatalkan puasa mengikut Mazhab Syafie kerana suntikan tersebut tidak melalui rongga yang terbuka. Mungkin melalui perut, maka hukumnya tidak batal. Apatah lagi diperlukan untuk orang yang berpenyakit sedemikian.

SOALAN 243

Betulkah belajar menunggang kuda atau berenang itu adalah sunah?

Jawapan

Betul. Kalau kita berniat belajar menunggang kuda dan berenang untuk mengikut arahan atau sunah Rasulullah SAW, maka dianggap sunah yang mendapat pahala. Tetapi kalau kita berniat sesuatu benda itu untuk melakukan maksiat, misalnya menunggang kuda untuk bermain judi dan sebagainya, itu tidak boleh. Oleh itu, niatlah belajar menunggang kuda untuk menjadikan badan kita kuat untuk beribadat kepada Allah SWT. Itu insya-Allah, mendapat pahala di sisi Allah SWT.

SOALAN 244
Apakah hukum kita makan di hadapan orang yang berpuasa?

Jawapan
Kalau makan di hadapan keluarga, dia tahu kita uzur, itu tidak mengapa. Walaupun dari satu sudut, lebih elok kita makan sembunyi-sembunyi tetapi kalau makan di hadapan mereka di dalam rumah, dalam keadaan mereka tahu kita uzur, tidak menjadi satu kesalahan. Namun begitu, kalau makan di luar, dikhuatiri orang menuduh kita tidak berpuasa. Kita perlu makan secara sembunyi, kata ulama. Maknanya, jangan makan di hadapan khalayak. Contohnya, ketika di RnR. Itu antara adab yang kita perlu jaga kerana dikhuatiri orang bersangka buruk dengan kita.

SOALAN 245
Sebelum ini saya pernah mendengar ustaz menyebut, orang yang berjimak perlu membayar kafarah. Apakah itu kafarah?

Jawapan
Kafarah ialah denda pembayaran yang dimulai dengan pembebasan hamba seorang Muslim. Namun begitu, sekarang ini tiada pembebasan hamba kerana hamba telah tiada. Kalau tiada pembebasan hamba, maka dia perlu berpuasa selama dua bulan berturut-turut, tidak boleh terputus melainkan uzur syari'i seperti haid dan nifas. Tetapi kalau demam dan sebagainya, maka puasa itu terputus, perlu dimulakan semula bagi mencukupkan dua bulan berturut-turut. Kalau tidak mampu berpuasa dua bulan berturut-turut, maka jamulah 60 orang miskin makanan yang kita biasa makan. Mungkin dalam lingkungan RM7 sehari. RM7 darab 60 orang fakir miskin. Boleh beri dalam bentuk makanan atau wang. Itulah makna kafarah.

SOALAN 246

Seseorang imam itu berjunub tetapi dia terlupa untuk mandi wajib dan makmum tidak mengetahuinya. Selepas selesai menunaikan solat, dia baru sedar, lalu dia mandi wajib. Bagaimanakah keadaan solat jemaah yang lain?

Jawapan

Solat mereka adalah sah. Jemaah yang mengikut imam yang tidak mandi wajib selepas berjunub dan tidak menyedarinya, solat mereka adalah sah kerana mereka boleh solat bersendirian. Jadi, mereka berjemaah pun tiada apa-apa kesan bak kata ulama. Cuma jika mereka mengetahuinya, itu adalah tidak sah. Kalau dalam keadaan yang mereka tidak mengetahui, solat mereka sah. Yang tidak sah, solat imam itu sahaja.

SOALAN 247

Apakah hukum seseorang yang mampu berdiri ketika menunaikan solat tetapi dia tidak mampu rukuk dan sujud? Adakah dia tidak wajib berdiri?

Jawapan

Dia wajib berdiri. Dia tetap perlu berdiri walaupun tidak mampu rukuk dan sujud kerana terdapat kaedah :

الميسور لا يسقط بالمعسور

Ini antara perkara yang kita boleh buat, tidak boleh gugur disebabkan ada unsur-unsur kesusahan yang lain. Oleh itu, kita teruskan berdiri, ketika rukuk, kita tundukkan sedikit kepala dan ketika sujud, tundukkan lagi kepala. Itulah caranya. Jangan sampai tidak berdiri.

SOALAN 248
Benarkah peluh orang yang haid itu najis?

Jawapan
Tidak benar. Walaupun darah orang haid itu najis, tetapi peluhnya bersih. Seorang suami boleh tidur dengannya dan makan dengannya. Tiada istilah peluh orang haid itu najis.

SOALAN 249
Apakah hukum seseorang duduk bersila ketika tasyahud? Adakah sah solatnya?

Jawapan
Sah solatnya, cuma makruh. Imam Nawawi menyebut :

وكيف قعد جاز

Duduk macam mana pun sah solat. Cuma duduk bersila tanpa ada keuzuran, sakit dan sebagainya adalah makruh tetapi sah solatnya.

SOALAN 250
Bolehkah ceritakan apa itu air wadi?

Jawapan
Air wadi ialah cecair jernih yang keluar selepas kita kencing. Itu yang dipanggil air wadi dan hukumnya adalah najis. Berbeza dengan air mazi dan air mani. Ia merupakan cecair jernih yang keluar selepas kencing. Bukan keputihan seperti air mani. Ia air jernih yang keluar, hukumnya najis, kena basuh.

SOALAN 251

Apakah hukum air liur basi yang keluar dari mulut kita ketika tidur?

Jawapan

Hukumnya adalah kotor tetapi bukan najis kerana kebiasaan air liur basi yang keluar itu putih, bukanlah keluar seperti muntah. Oleh itu, air liur basi yang keluar dari mulut kita ketika tidur itu hanya kotor sahaja, tidak najis dan tidak menyebabkan terhalang solat kita.

SOALAN 252

Benarkah ketawa yang kuat itu membatalkan wuduk?

Jawapan

Tidak benar. Ketawa kuat atau ketawa berguling tidak membatalkan wuduk, cuma membatalkan solat jika ketawa ketika mendirikan solat. Namun begitu, wuduk tidak batal.

SOALAN 253

Saya seorang nelayan. Bolehkah saya mengambil wuduk daripada air laut?

Jawapan

Hukumnya adalah harus dan boleh. Air laut merupakan air yang suci seperti yang disebutkan dalam hadis, maka dibolehkan nelayan berwuduk dengan air laut. Tidak mengapa, jangan bimbang.

SOALAN 254

Apakah hukum seorang suami bersetubuh dengan isterinya dalam keadaan haid tetapi bukan pada bulan puasa?

Jawapan

Hukumnya adalah haram walaupun itu isterinya dan disunatkan dia mengeluarkan sedekah sebanyak satu dinar atau setengah dinar. Kira-kira satu dinar ialah RM1000, setengah dinar RM500. Itu kadarnya. Jika mahu kurang pun, tidak mengapa tetapi sunatnya sebegitu. Kalau kurang, tidak dapatlah pahala sunat tersebut. Dia wajib beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT.

SOALAN 255

Seseorang itu berpuasa, lalu dia sakit. Bolehkah dia berbuka puasa?

Jawapan

Kalau sakit itu akan bertambah dan berpanjangan disebabkan dia berpuasa, walaupun tidak membawa kepada kematian, dia boleh berbuka puasa dan wajib qada selepas bulan Ramadan.

SOALAN 256

Bolehkah kita berbuka puasa selain dengan kurma?

Jawapan

Hukumnya boleh, cuma disunatkan dengan kurma. Kalau tiada kurma, ambillah mana-mana manisan yang boleh menggantikan kurma. Jika tiada, minumlah air masak. Yang penting, kita berbuka puasa. Yang terbaik, sediakanlah kurma walaupun sebiji.

SOALAN 257

Benarkah kita bermazhab Syafie boleh mengikut Mazhab Maliki dengan berniat puasa sebulan pada malam yang pertama?

Jawapan

Benar. Ulama kita daripada Mazhab Syafie mengharuskan orang yang bermazhab Syafie untuk menjaga puasanya dengan berniat puasa sebulan pada malam pertama bulan Ramadan. Tetapi bukan bermakna pada malam berikutnya tidak perlu berniat. Perlu berniat juga. Cuma dibimbangi terlupa. Oleh itu, puasa sebulan pada bulan Ramadan kita tidaklah perlu dibimbangi tidak sah.

SOALAN 258

Bolehkah seseorang lelaki itu melaksanakan kasi untuk membuat perancangan keluarga kerana anak ramai sangat?

Jawapan

Seorang suami tidak boleh melakukan kasi atau sebarang bentuk pemandulan. Itu diharamkan oleh syarak. Pernah pada zaman Rasulullah SAW, sebahagian sahabat berkeinginan untuk melakukan kasi tetapi dilarang oleh Rasulullah SAW. Kita ada cara yang diharuskan seperti pemakaian kondom. Maka, sesiapa yang ingin melakukan perancangan keluarga, dia boleh menggunakan kondom atau seumpamanya. Itu diharuskan.

SOALAN 259

Apakah hukum berkaraoke bersama dengan kawan-kawan?

Jawapan

Hukumnya mengikut tempat. Tempat yang tidak mempunyai arak, tidak mempunyai maksiat, bilik yang tertutup, lagu-lagu yang

dinyanyikan tidak bercanggah dengan syariat serta tiada pergaulan bebas (lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan), jadi tidak mengapa. Tetapi jika ada unsur-unsur maksiat, menyanyi karaoke bersama dengan kawan-kawan itu jatuh kepada haram. Jadi, perlu menjaga batas-batas syariat. Cuma kita tiada tempat-tempat karaoke yang mengikut kepada pematuhan syariah. Itu yang sukar untuk kita membuat keputusan. Oleh itu, perlu cari tempat-tempat yang baik, yang sesuai dengan keluarga atau rakan-rakan dan pemilihan lagu yang baik.

SOALAN 260

Apakah hukum membuat perancangan keluarga atau family planning?

Jawapan

Hukumnya diharuskan dengan beberapa syarat. Yang pertama, disebabkan faktor kemiskinan. Tidak mampu menjaga anak yang ramai, kita boleh merancang keluarga dua atau tiga tahun untuk mendapatkan anak yang kedua atau seterusnya. Yang kedua, sakit seperti rahim lemah. Doktor menasihatkan tidak boleh kerap mengandung kerana bahaya. Yang ketiga, bimbang tidak sempat untuk mendidik anak. Mungkin ada anak yang tidak sempurna seperti hyper active yang memerlukan masa tiga hingga empat tahun untuk memberikan sepenuh perhatian kepada anak tersebut. Jika ada salah satu daripada yang saya sebutkan itu, insya-Allah perancangan keluarga diharuskan dengan syarat mesti ada persetujuan antara suami isteri.

SOALAN 261

Bolehkah seseorang itu makan makanan ringan sambil berjalan?

Jawapan

Bagi masalah ini, saya terangkan dalam beberapa keadaan. Makan secara duduk adalah sunah kerana itu lebih baik untuk perut dan kesihatan kita. Itu lebih berakhlak. Yang kedua, makan benda-benda yang besar sambil berdiri atau berjalan, itu membawa kepada makruh kerana akan mengganggu perjalanan kita. Contohnya, makan nasi, bihun dan seumpamanya. Namun begitu, makan makanan seperti makanan ringan, kekacang dan yang tidak memerlukan kunyahan yang banyak dengan kadar yang kecil sambil berjalan, itu dimaafkan. Hukumnya adalah harus, tidaklah dikenakan tindakan dari sudut akhlak kerana itu perkara yang ringan. Kalau kita makan kekacang hingga habis dahulu sambil duduk, mungkin sedikit menyukarkan. Tetapi makan secara duduk tetap yang terbaik dalam semua keadaan. Oleh itu, kita perlu melihat jenis makanan yang dimakan sama ada sederhana atau besar, kita perlu duduk kerana jika berdiri, hukumnya makruh. Tetapi yang kecil-kecil seperti kekacang, insya-Allah dimaafkan.

SOALAN 262

Bolehkah orang Islam memakai baju perayaan Krismas seperti Santa Claus?

Jawapan

Hukumnya tidak boleh kerana baju merupakan pakaian syiar kepada sambutan dan perayaan Krismas. Adapun untuk mengucapkan, itu tidak menjadi masalah. Ada orang yang menyamakannya dengan pemakaian sari atau seumpamanya. Sari bukan pakaian sambutan perayaan atau syiar agama. Beza

antara memakai pakaian Santa Claus yang merupakan syiar kepada agama Kristian dengan sari yang bukan syiar.

SOALAN 263

Adakah ibu bapa mempunyai aurat bersama dengan anak-anak di rumah?

Jawapan

Ya, sudah tentu mempunyai aurat dengan anak-anak. Yang tiada aurat mutlak ialah antara suami isteri sahaja. Dengan orang lain, ajnabi, ada aurat yang perlu ditutup, lebih banyak kecuali kawasan muka dan tapak tangan. Dengan anak-anak atau saudara kandung, ada auratnya, iaitu antara pusat hingga lutut. Itu asasnya. Namun begitu, janganlah tutup bahagian antara pusat hingga lutut sahaja. Tutuplah bahagian badan yang lain. Pakai seperti pakaian biasa. Jangan berpakaian seksi kerana bimbang menimbulkan syahwat sesama mahram. Itu yang menyebabkan berlakunya sumbang mahram. Labuhkan sedikit daripada bahagian lutut serta tutup bahagian dada dan bahu. Barulah suasana aman di rumah.

SOALAN 264

Adakah memfitnah dosanya lebih besar daripada membunuh?

Jawapan

Tidak. Dosa membunuh lebih besar daripada memfitnah. Mungkin orang keliru dalam ayat al-Quran yang menyebutkan dosa memfitnah lebih besar daripada membunuh. Fitnah itu bukan bererti dalam Bahasa Melayu mengadakan cerita terhadap orang lain. Fitnah yang dinyatakan dalam al-Quran itu bermakna menyeksa orang Islam, membunuh orang Islam, memaksa

mereka keluar daripada agama Islam lebih besar daripada dosa seorang Muslim membunuh nyawa orang kafir yang berlaku dalam bulan-bulan yang haram. Maknanya, seorang Muslim itu membunuh orang kafir, dosanya besar. Tetapi mereka yang menyeksa orang Islam dan memurtadkan orang Islam, dosanya lebih besar daripada dosa orang Muslim itu. Itulah yang dimaksudkan dosa memfitnah lebih besar daripada membunuh. Bukan seperti yang kita fahami, iaitu fitnah seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Melayu.

SOALAN 265

Benarkah jika kita menguap dan tidak menutup mulut, syaitan akan masuk?

Jawapan

Terdapat pandangan yang menyatakan syaitan boleh masuk ke dalam mulut kerana syaitan boleh berjalan dalam darah anak Adam. Ada juga yang menyatakan makna itu ialah makna maknawi. Yang pasti, jika menguap, kita disunatkan untuk menutup mulut sama ada dengan tangan kiri atau tangan kanan kerana syaitan akan ketawa apabila nampak kita membuka mulut, nampak seperti malas. Syaitan akan ketawakan kita kerana seolah-olah dia berjaya menjadikan kita orang yang malas untuk melakukan benda-benda yang baik. Yang terbaiknya, apabila kita menguap, tutuplah mulut sama ada dengan tangan kiri atau tangan kanan supaya syaitan tidak mentertawakan kita. Persoalan sama ada syaitan masuk ke dalam mulut kita atau tidak, itu Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui. Kemungkinan juga syaitan boleh masuk kerana tiada perkara yang mustahil.

SOALAN 266

Benarkah Islam mengharamkan alat muzik seperti gitar, piano dan seumpamanya?

Jawapan

Dalam isu ini, saya tidak sandarkan kepada Islam tetapi saya sandarkan kepada ulama-ulama fikah, iaitu terdapat khilaf dalam kalangan mereka. Tetapi pandangan yang saya pilih termasuk ramai ulama seperti Syeikh al-Qaradawi dan seumpamanya mengharuskan alat-alat muzik yang niatnya untuk kebaikan, untuk lagu-lagu yang menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara serta tidak digunakan untuk tujuan-tujuan yang merosakkan masyarakat, nilai-nilai murni dan seumpamanya. Jika diarahkan kepada kebaikan, lagu-lagu yang memberikan semangat nasional, keagamaan dan untuk berakhlak baik, muzik ini diharuskan. Tetapi lagu-lagu yang dibuat untuk merosakkan akhlak dan menjadikan orang lalai daripada kewajipan, itu menjadi haram. Oleh itu, peralatan muzik haram disebabkan cara penggunaannya. Kalau digunakan untuk kebaikan, menjadi baik. Kalau digunakan untuk kejahatan, menjadi haram.

SOALAN 267

Apakah hukum seorang wanita memakai baju labuh tetapi tudungnya singkat di atas paras dada?

Jawapan

Tidak boleh. Kalau tudungnya di atas paras dada, dia akan menunjukkan bentuk payu daranya itu dan akan membawa kepada tabaruj. Dia perlu melabuhkan sedikit untuk menutup bahagian bentuk payu dara. Insya-Allah, akan terselamat daripada ancaman di dunia dan di akhirat. Oleh itu, berhati-hatilah dengan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Tidak perlu melabuhkan hingga lutut. Labuhkan untuk menutup bahagian payu dara.

SOALAN 268

Adakah batal solat jika tertinggal tasyahud pertama?

Jawapan

Tidak batal solat kerana tasyahud pertama adalah sunat sahaja. Cukup dengan melakukan sujud sahwi untuk menampung kekurangannya.

SOALAN 269

Bolehkah lelaki memakai inai pada kukunya untuk rawatan?

Jawapan

Boleh dipakai pada kukunya untuk tujuan rawatan kerana mempunyai nilai-nilai rawatan yang diharuskan oleh syariat. Tetapi untuk kecantikan seperti wanita, itu adalah terlarang kerana tasyabbuh dan menyerupai wanita. Oleh itu, untuk rawatan tidak mengapa memakai inai.

SOALAN 270

Apakah hukum Mengkasikan kemaluan kucing?

Jawapan

Tiada hukum di sana. Tidak perlu kita Mengkasikannya kerana kucing bukan manusia. Biarkan sahaja begitu. Kucing tidak sama dengan manusia yang disunatkan untuk mengkhatankan mereka. Perbuatan ini sesuatu yang luar biasa. Oleh itu, tiada tuntutan dalam agama untuk mengkhatankan kemaluan kucing.

SOALAN 271

Bolehkah saya memutuskan hubungan dengan kawan kerana saya tidak tahan dengan perangainya?

Jawapan

Tidak boleh. Kita boleh mengurangkan perjumpaan dan bercakap dengannya tetapi jangan sampai memutuskan hubungan silaturahim. Kita tetap perlu memberi salam kepadanya. Jika dia sakit, kita perlu menziarahinya. Kita hanya boleh memutuskan hubungan apabila seseorang itu menentang agama Islam. Yang melibatkan akidah sahaja kita boleh putuskan. Kalau berkecil hati, melibatkan perangainya yang buruk, kita tidak boleh memutuskan talian silaturahim.

SOALAN 272

Bolehkah seseorang itu satu hari dia tidak membuat apa-apa? Berehat sahaja di rumah.

Jawapan

Hukumnya adalah makruh jika kita tidak meninggalkan kewajipan seperti menunaikan solat. Duduk sahaja menonton televisyen. Namun begitu, kadang-kadang boleh menjadi haram sekiranya kita terlalu lalai dan tidak melakukan perkara-perkara yang berfaedah. Kita mungkin mengumpat dan melihat gambar-gambar yang tidak senonoh. Itu boleh terjerumus kepada benda yang haram. Oleh itu, kita tidak boleh membiarkan diri kita tidak melakukan apa-apa aktiviti. Jika kita tidak membuat apa-apa sehingga meninggalkan solat, itu sudah pasti haram. Jika seseorang itu menunaikan solat tetapi dia berehat sepanjang waktu, hukumnya makruh sahaja.

SOALAN 273

Bolehkah saya mengqadakan solat-solat yang ditinggalkan oleh arwah ibu? Ketika dia sakit, dia tidak menunaikan solat.

Jawapan

Tidak boleh qada dan tidak perlu qada kerana solat merupakan ibadat yang bersifat persendirian, berhajat kepada khusyuk dan ikhlas. Jadi, tidak tepat untuk kita mengqadakannya. Apakah yang perlu kita lakukan? Kita beristighfar dan memohon kemaafan daripada Allah SWT untuk arwah ibu kita. Oleh itu, tidak perlu qada.

SOALAN 274

Bolehkah orang gila berkahwin?

Jawapan

Boleh tetapi cukup dengan seorang sahaja kerana dia tidak mampu untuk menguruskan kehidupannya. Jadi, orang gila tidak boleh berpoligami. Seseorang yang gila, jika memerlukan isteri, dibimbangi dia akan merogol atau seumpamanya, maka dia boleh berkahwin dengan pengawasan daripada walinya, walinya mengakad nikah untuknya. Oleh itu, dia boleh berkahwin dengan seorang sahaja.

SOALAN 275

Bolehkah seorang wanita tua berkahwin dengan seorang lelaki muda? Apakah hukumnya?

Jawapan

Hukumnya adalah makruh tetapi perkahwinan tersebut sah kerana keadaannya tidak sama. Tidak elok bagi seorang lelaki muda memilih pasangan yang terlampau tua tetapi kalau setakat

tua setahun atau dua tahun, tidak mengapa. Beza 20 atau 30 tahun tidak akan mendatangkan suatu keromantikan. Tetapi jika cinta, suka sama suka, tidak boleh dihalang, cuma tidak digalakkan perkahwinan sedemikian.

SOALAN 276

Bolehkah seseorang yang berpenyakit HIV berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai penyakit HIV?

Jawapan

Hukumnya boleh tetapi dengan syarat, reda dan ada persetujuan. Zaman sekarang ini memang ada kaunseling bagaimana hubungan mereka dan seumpamanya. Perkara yang paling penting ialah penerimaan daripada wali wanita tersebut sekiranya lelaki yang ada HIV. Kalau mereka bersetuju, tidak ada masalah untuk berkahwin. Tetapi yang wajib, suami itu mesti terangkan kepadanya bahawa dia ada HIV supaya tiada penipuan. Oleh sebab itu, kita ada ujian HIV sebelum perkahwinan.

SOALAN 277

Saya tertinggal salam yang kedua dalam solat. Adakah sah solat saya?

Jawapan

Hukumnya sah kerana memberikan salam yang kedua sunat sahaja. Jadi, cukup dengan kita memberi salam yang pertama, cuma makruh sahaja. Selesai memberi salam yang pertama, terus kita bangun. Hukumnya makruh. Sebaik-baiknya kita sudahkan dengan salam yang kedua. Assalamualaikum wrh. Barulah kita berhenti dan bangun.

SOALAN 278

Saya seorang wanita. Saya sujud ketika menunaikan solat. Tangan saya terlapik dengan telekung dan menutupi tapak tangan saya. Sahkah solat saya?

Jawapan

Hukumnya sah. Tidak menjadi kesalahan jika tapak tangan kita tertutup dengan telekung kerana tidak diwajibkan terbuka. Tidak sama seperti dahi yang wajib kita nampakkan atau zahirkan ketika sujud. Yang lain tertutup tiada masalah. Terlapik tapak tangan tidak memudaratkan solat. Oleh itu, hukumnya sah.

SOALAN 279

Pada musim COVID-19 ini, masjid hanya dibenarkan untuk solat lima orang sahaja dalam solat Jumaat. Jadi, apakah pandangan ustaz?

Jawapan

Pandangan saya bergantung pada ulama. Terdapat mazhab yang mengharuskan solat Jumaat kurang daripada 40 orang jemaah. Seperti dalam Mazhab Abu Hanifah, boleh jika tiga hingga lima orang. Jadi, kita terpaksa bertaklik kepada pendapat Abu Hanifah kerana keputusan negara untuk mengehadkan bilangan tersebut. Oleh itu, insya-Allah dengan lima orang jemaah solat Jumaat, hukumnya sah dalam keadaan COVID-19 ini.

SOALAN 280

Saya terdengar, solat Jumaat itu fardu kifayah. Adakah benar dakwaan tersebut?

Jawapan

Tidak betul. Solat Jumaat adalah fardu ain kepada mereka yang cukup syarat. Adapun dakwaan fardu kifayah, itu ialah riwayat yang tidak tepat dan merupakan penukilan yang tidak sahih mengikut pendapat Imam Nawawi rhm. dalam kitabnya, Raudhatul Talibin. Oleh itu, dakwaan tersebut tidak betul walaupun datang daripada orang soleh.

SOALAN 281

Bolehkah seorang wanita itu membuang sebahagian tahi lalatnya yang mencacatkan mukanya?

Jawapan

Hukumnya harus sekiranya mencacatkan wajahnya. Dia boleh membuang tahi lalat tersebut kerana bukan daripada asal usul mukanya. Tahi lalat merupakan kulit tambahan yang berlaku kepada wajah seseorang. Oleh itu, kalau perlu kerana ada tekanan, malu dan seumpamanya boleh melakukan pembuangan tahi lalat di bawah seliaan pakar-pakar.

SOALAN 282

Betulkah seorang wanita boleh menyusu lelaki dewasa untuk menjadikan mereka mahram syazzah. Seperti anak susuan kerana takut berkhalwat?

Jawapan

Tidak betul. Wanita tidak boleh menyusukan seorang lelaki dewasa. Bukan sahaja lelaki dewasa, bahkan bayi yang telah melepasi dua tahun, jika disusukan tidak akan menjadi mahram. Apatah lagi menyusukan lelaki dewasa, tidak akan menjadi mahram, bahkan boleh menjadi haram dan boleh termasuk dalam dosa-dosa besar kerana melakukan perkara-perkara yang tidak diizinkan oleh syarak. Oleh itu, fatwa atau fikah tersebut tidak boleh dipakai pada zaman sekarang ini. Itu disebut sebagai fatwa syazzah.

SOALAN 283

Bolehkah seorang wanita menunggang atau membonceng motosikal?

Jawapan

Wanita diharuskan menunggang atau membonceng motosikal dengan syarat menutup aurat. Ditambah dengan memakai seluar, itu lebih afdal. Kalau memakai baju kurung sahaja, apabila dia duduk, akan menampakkan betis. Maka, saya wajibkan di sini, apabila wanita menunggang motosikal, dia perlu memakai seluar atau stokin yang menutup auratnya. Jadi, tidak nampaklah aurat betis tersebut.

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

Untuk menutup aurat tersebut, perlu memakai stokin atau seluar, maka ketika menunggang motosikal, wajib memakai stokin atau seluar.

SOALAN 284

Ada sambungan soalan berkenaan dengan COVID-19. Bolehkah kita mengikut solat Jumaat berdasarkan penglihatan kita di televisyen?

Jawapan

Hukumnya tidak boleh. Majoriti ulama di dunia memfatwakan tidak sah kita mengikut solat berjemaah atau solat Jumaat melalui televisyen. Begitu juga di Malaysia. Mufti-mufti kita tidak memfatwakan sah. Jadi, hukumnya tidak sah walaupun waktunya sama dan pergerakannya kita ketahui kerana jarak yang terlampau jauh. Kita di rumah mengikut pergerakan solat di televisyen, mungkin berdasarkan solat Jumaat di Putrajaya atau di Masjid Negara. Oleh itu, hukumnya tidak sah. Kita perlu menunaikan solat zohor sahaja di rumah.

SOALAN 285

Bolehkah pasangan suami isteri mendedahkan keaiban masing-masing dalam media sosial?

Jawapan

Hukumnya adalah haram. Pasangan masing-masing tidak boleh mendedahkan aib masing-masing. Kita sebagai suami atau isteri seharusnya menyembunyikan aib masing-masing. Jika mahu bergaduh, bergaduhlah di dalam rumah. Jangan bergaduh di luar sana kerana orang akan mentertawakan kita. Orang yang paling layak untuk kita menyembunyikan aib ialah pasangan kita. Oleh itu, hukumnya adalah haram.

SOALAN 286

Benarkah memotong kuku hanya mendapat pahala pada hari Jumaat?

Jawapan

Tidaklah sebegitu rupa. Apabila panjang, kita boleh memotong kuku. Cuma selalunya hari Jumaat ada fadilat. Jadi, digalakkan oleh ulama untuk kita memotong kuku pada hari Jumaat. Tetapi pada hari-hari yang lain pun boleh untuk kita memotong kuku kerana apabila sudah panjang, tentu dituntut untuk kita memotong kuku agar tidak berkumpul kotoran-kotoran degil di bawah kuku kita dan akan menyulitkan kita ketika berwuduk. Oleh itu, memotong kuku pada hari lain pun mendapat pahala, insya-Allah.

SOALAN 287

Adakah kesabaran seseorang itu ada hadnya?

Jawapan

Ya, sudah tentu ada hadnya. Cuma apabila sudah sampai had yang tidak mampu bersabar, janganlah kita melakukan keganasan atau kerosakan. Kita perlu membuat tindakan seperti menurut undang-undang dan patuh syariah. Janganlah apabila kita hilang sabar, kita memaki dan menghina orang. Kadang-kadang sabar kita itu ada batasan tetapi kalau kita mahu mendapat pahala yang lebih, kita terus bersabar serta dalam masa yang sama, kita mengambil tindakan-tindakan yang boleh menyenangkan dan membebaskan kita daripada segala kesulitan dalam kehidupan. Oleh itu, sabar itu ada batasan. Cuma apabila kita sudah sampai kepada had, jangan sampai kita juga melakukan kemaksiatan atau kemungkaran.

SOALAN 288

Benarkah apabila lalat masuk ke dalam air, kita tidak boleh membuangnya?

Jawapan

Mesti dengan terperinci. Maknanya, kita biarkan dahulu lalat itu berada dalam air. Kemudian, kita tarik keluar kerana pada salah satu sayapnya ada ubat. Cuma, pada pandangan peribadi saya, itu merupakan satu perkara yang dilihat oleh Rasulullah SAW. Maknanya, perkara itu khas pada zaman Nabi Muhammad SAW. Pada zaman kita, dibimbangi lalat yang Nabi Muhammad SAW nampak tidak sama dengan lalat yang kita nampak. Jadi, kita tidak perlu rendam. Jatuh sahaja, kita boleh buang kerana pada pandangan saya, hadis itu berkenaan dengan apa yang Nabi Muhammad SAW lihat. Kita tidak dapat melihat apa yang Nabi Muhammad SAW lihat. Kita nampak lalat itu kotor, hinggap di sana sini. Lebih baik kita buang sahaja tanpa menyanggahi hadis nabi yang sahih tersebut.

SOALAN 289

Bolehkah sepasang tunang berkhalwat atau berdua-duaan seperti sepasang suami isteri?

Jawapan

Tidak boleh kerana mereka masih lagi berada dalam hukum ajnabi. Mereka sama seperti ajnabi-ajnabi yang lain, cuma bezanya mereka telah membuat perjanjian untuk berkahwin. Pertunangan bukanlah akad nikah tetapi satu perjanjian untuk berkahwin. Jadi, ia tidak mengubah apa-apa status. Mereka tetap ajnabi dan tidak boleh berdua-duaan. Apatah lagi menunggang motosikal, menonton wayang berdua-duaan atau duduk di tempat-tempat sunyi. Jika mereka mahu berjumpa, mestilah

membawa adik-beradik atau mahram mereka supaya tidak terdedah kepada maksiat.

SOALAN 290

Benarkah wanita yang menopaus apabila diceraikan, tempoh idahnya ialah tiga bulan?

Jawapan

Ya, betul. Wanita yang menopaus, yang telah terputus haid, apabila diceraikan oleh suaminya, tempoh idahnya ialah tiga bulan. Sudah tiada lagi tempoh tiga kali suci. Bagi wanita yang masih ada haid, tempoh idahnya tiga kali suci tetapi bagi mereka yang telah terputus haid, tempoh idahnya tiga bulan. Tiga bulan Hijrah bukan Masihi.

SOALAN 291

Benarkah terdapat pendapat apabila wanita haid, waktu solatnya digantikan dengan zikir? Adakah benar?

Jawapan

Tidak benar. Mengikut Mazhab Syafie, ketika wanita haid, waktu solat itu sunat sahaja digantikan dengan berzikir. Maknanya, seseorang itu apabila masuk waktu solat, dia duduk di sejadahnya, berzikir dan berdoa. Tidak wajib tetapi digalakkan untuk melaksanakan ibadat sedemikian untuk menjaga dirinya daripada gangguan syaitan dan mendekatkan dirinya kepada Allah SWT.

SOALAN 292
Betulkah saya dengar wanita tidak boleh meminang lelaki?

Jawapan
Tidak betul. Harus bagi wanita meminang lelaki tetapi caranya agak berlainan. Dia mewakilkan seseorang (kawan, pak cik atau sesiapa sahaja) untuk bertanyakan lelaki tersebut bagi menjaga maruahnya. Jangan bertanya secara langsung. Jika ditolak, dibimbangi berasa malu. Oleh itu, caranya kita melantik seseorang dan berikan mandat kepadanya untuk bertanya kepada lelaki tersebut. Hukumnya adalah harus.

SOALAN 293
Bolehkah seorang wanita menyimpul atau menyanggul rambutnya dengan tinggi?

Jawapan
Jika di hadapan orang ramai, hukumnya adalah haram apatah lagi jika itu teknik untuk menggoda lelaki. Jika di hadapan suami, itu dituntut kerana untuk mencantikkan lagi disebabkan rambut ialah perhiasan dan mahkota wanita. Kebanyakan wanita itu cantik pada rambutnya. Oleh itu, untuk suami tidak mengapa. Kalau di luar rumah, hukumnya adalah haram dan boleh terjebak dalam dosa yang besar.

SOALAN 294
Betulkah di dunia ini ada tujuh orang muka yang sama dengan kita?

Jawapan
Itu ialah satu perkara yang tidak sabit dari sudut saintifik, syariah atau al-Quran dan al-Sunah. Saya juga tidak tahu dari mana

datangnya penyataan ini. Oleh itu, jangan sibukkan dengan soalan-soalan sedemikian kerana tidak memberi manfaat kepada kita. Allah SWT menciptakan kita berbeza, insya-Allah. Mungkin ada yang nampak seperti sama tetapi sudah tentu berbeza antara satu sama kita.

SOALAN 295

Apakah hukum seseorang itu berkata 'saya laparlah' pada bulan Ramadan?

Jawapan

Tiada kesan apa-apa, cuma jangan sebut secara kerap, dikhuatiri kita tidak menunjukkan kesabaran. Kalau tersebut sekali-sekala, mudah-mudahan dimaafkan, insya-Allah. Jadi, kita sabar, ingatkan diri bahawa kita berpuasa. Walaupun lapar, insya-Allah kita cuba menahan diri dan bersabar kerana dengan kelaparan itu dapat membersihkan jiwa kita.

SOALAN 296

Bolehkah wanita berenang seperti lelaki berenang? Adakah digalakkan?

Jawapan

Ya, sudah tentu wanita boleh berenang dengan syarat menutup aurat, menjaga pergaulan dan pakaian yang tidak menunjukkan aurat, itu diharuskan. Apatah lagi berenang merupakan perkara penting, untuk keselamatan nyawa dan seumpamanya. Apabila seorang wanita itu patuh syariah, maka berenang itu harus dan digalakkan untuknya.

SOALAN 297

Seorang wanita itu meninggalkan solat ketika haid. Bolehkah wanita itu mengqadakan solat-solat tersebut?

Jawapan

Tidak boleh qada solat-solat tersebut kerana wanita diperintahkan untuk mengqadakan puasa sahaja. Adapun mengqadakan solat-solat fardu yang ditinggalkan ketika haid, itu adalah haram atau makruh mengikut Mazhab Syafie.

SOALAN 298

Bolehkah seseorang itu memohon kematian daripada Allah SWT?

Jawapan

Tidak boleh. Kita diharamkan untuk memohon kematian kerana kemudaratan, kesakitan atau bala yang menimpa kita melainkan kita tidak tahan sangat, namun tidak boleh meminta kematian. Cuma kita berdoa, "ya Allah ya Tuhanku, kalau hidup elok untukku, maka hidupkan aku. Kalau mati itu baik untuk aku, maka matikan aku." Jadi, jangan minta kematian kerana hidup dalam keadaan sakit lebih baik daripada mati kerana kita tidak boleh lagi berzikir dan beribadat kepada Allah SWT. Cuma ada situasi-situasi yang kita boleh memohon kematian, iaitu yang pertama, mati syahid dalam peperangan untuk kita mendapat syurga Allah SWT. Yang kedua, memohon kematian di bumi Rasulullah SAW. Itu sahaja jika kita mahu meminta kematian.

SOALAN 299

Seorang wanita melahirkan anak di hospital tetapi suaminya tidak dapat menemaninya kerana sekarang musim COVID-19. Bolehkah ketika wanita tersebut selesai melahirkan anak, dia membuat panggilan video dengan suaminya untuk mengazankan dan mengiqamatkan di telinga bayi?

Jawapan

Insya-Allah, diharuskan kerana ada hajah di sana. Disebabkan tidak boleh masuk, jadi boleh membuat panggilan video untuk mengazankan. Insya-Allah, hukumnya hampir sama. Walaupun tidak meletakkan di telinga, tiada masalah. Cuma kita mengazankan, kalau boleh sandarkan telefon ke telinga. Kita azankan di sebelah kanan dan iqamatkan di sebelah kiri. Tetapi nanti apabila berjumpa, ulang semula pun tiada masalah, insya-Allah.

SOALAN 300

Benarkah semua perbuatan mengumpat adalah haram? Tiada langsung perbuatan mengumpat yang harus?

Jawapan

Tidak benar. Ada juga mengumpat yang diharuskan, iaitu pada waktu darurat seperti seorang isteri ingin meminta fatwa daripada seorang alim tentang keadaan suaminya, misalnya kedekut atau tidak memberi nafkah, tepaksa mengumpat sedikit suaminya. Itu diharuskan. Atau ketika di mahkamah, kita menceritakan kebenaran terhadap perbuatan seseorang yang mencuri barang kita atau seumpamanya, atau kita menerangkan sesuatu sifat atau perbuatan bidaah orang yang berbahaya kepada masyarakat. Oleh itu, ada ruang-ruang yang kita boleh mengumpat untuk kemaslahatan agama dan juga ummah. Tetapi

mengumpat untuk menjatuhkan seseorang tanpa ada kebaikan, itu adalah diharamkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya.